

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN SEBENAR SPM 2021

FORMAT TERKINI

+3 SET
KERTAS MODEL
FORMAT INSTRUMEN
SPM TERKINI

BAHASA MELAYU

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN SEBENAR SPM 2021

KERTAS 1

BAHAGIAN A [30 markah]

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan aktiviti sukan. Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sebuah **rencana** tentang **kebaikan-kebaikan bersukan**.

Panjangnya rencana anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Format untuk karangan rencana perlu ada tajuk, nama penulis rencana, bahagian pendahuluan, isi-isi penting dan akhir sekali bahagian penutup.

Contoh:

Tajuk → **Kebajikan-kebaikan Bersukan**

Penulis → **Oleh: Azeem bin Nasir**



CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

Peringkat	Markah	Kriteria
Cemerlang – Matang – Luas dan tepat	26 – 30	– Karangan menepati tema bahan rangsangan – Idea relevan dengan tema – Dihuraikan dengan jelas dan matang – Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat – Penggunaan kosa kata luas dan tepat – Unsur bahasa yang digunakan bervariasi – Menggunakan ungkapan yang menarik, sesuai dan tepat [peribahasa, pantun, slogan, cogan kata, kata hikmat, hadis, ayat al-Quran dan lain-lain]
	(28 – 30)	– Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu – Penggunaan tanda baca betul dan tepat
	(26 – 27)	– Pengolahan menarik dan berkesan – Wacana lengkap – Laras bahasa sesuai mengikut tugasan – Pemerenggan yang sesuai

<p>Kepujian</p>	<p>20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas – Idea relevan dengan tema / tugas – Huraian jelas – Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat – Penggunaan kosa kata luas – Unsur bahasa yang digunakan bervariasi – Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu – Penggunaan tanda baca betul dan tepat – Pengolahan menarik – Wacana lengkap – Laras bahasa sesuai mengikut tugas – Pemerenggan sesuai
<p>Memuaskan</p>	<p>15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugas – Idea masih relevan dengan tema / tugas – Huraian masih jelas – Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat – Penggunaan kosa kata masih luas – Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi – Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara – Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat – Pengolahan masih menarik – Wacana masih lengkap – Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas – Pemerenggan masih sesuai
<p>Penguasaan Minimum</p>	<p>10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas – Idea kurang relevan dengan tema / tugas – Huraian kurang jelas – Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat – Ketara kesalahan tatabahasa – Penggunaan kosa kata terhad – Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi – Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu – Terdapat kesalahan ejaan yang ketara – Pengolahan kurang menarik – Wacana kurang lengkap – Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas – Pemerenggan kurang sesuai
<p>Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum</p>	<p>1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)</p>	<ul style="list-style-type: none"> – TIDAK menunjukkan penguasaan kemahiran menulis – Idea TIDAK menepati tema bahan rangsangan atau tugas – Banyak KESALAHAN BAHASA dari segi kata dan ayat

(Tajuk) → **Kebaikan-kebaikan Bersukan**

(Penulis) → **Oleh: Azeem bin Nasir**

PENDAHULUAN

- Bersukan sering diperkatakan
- Buktinya selepas kemenangan Malaysia dalam sukan SEA
- Juara keseluruhan – 47 butir pingat – menjadi kebanggaan
- Persoalannya – apakah kebaikan-kebaikan bersukan ?

ISI-ISI

Kebaikan-kebaikan Bersukan

- **Sebahagian** daripada bahan rangsangan dan isi daripada pendapat sendiri

[Daripada bahan rangsangan]

Bahan 1 – Dapat memupuk perpaduan kaum

Bahan 2 – Dapat melahirkan masyarakat yang cergas dan sihat

Bahan 3 – Dapat mengharumkan nama negara di persada dunia

[Daripada idea sendiri / luar]

- Dapat dijadikan sebagai kerjaya
- Dapat mengeratkan hubungan dan semangat setia kawan
- Mengisi masa senggang
- Membanteras gejala tidak sihat
- Mengurangkan stres

PENUTUP

- Terdapat banyak kebaikan bersukan
- Semua lapisan masyarakat digalakkan menyertai aktiviti bersukan
- Mengangkat martabat rakyat dan negara
- Mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain

Bahagian B [70 markah]

CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

Peringkat	Markah	Kriteria
Cemerlang – Matang – Luas dan tepat	64 – 70	– Karangan menepati/ menjawab tugasan
	(68 – 70)	– Idea relevan dengan tugas – Dihuraikan dengan jelas dan matang – Contoh yang sesuai
	(64 – 67)	– Bahasa gramatis – pelbagai jenis ayat – Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat – Penggunaan kosa kata luas dan tepat – Unsur bahasa yang bervariasi – Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik dan sesuai dan tepat [peribahasa, pantun, slogan, cogan kata, kata hikmat, hadis, ayat al-Quran dan lain-lain] – Ejaan dan tanda baca yang betul
		– Pengolahan sangat menarik dan berkesan – Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan – Laras bahasa sesuai mengikut tugas – Pemerenggan yang sesuai

<p>Kepujian</p>	<p>55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Karangan menepati/ menjawab tugasan – Idea relevan dengan tugas – Dihuraikan dengan jelas – Contoh yang sesuai – Bahasa gramatis – pelbagai jenis ayat gramatis tetapi ada kesalahan minimum – Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat – Penggunaan kosa kata luas dan tepat – Unsur bahasa masih bervariasi – Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang sesuai – Ejaan dan tanda baca yang betul – Pengolahan menarik dan berkesan – Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan – Laras bahasa sesuai mengikut tugas – Pemerenggan yang sesuai
<p>Baik</p>	<p>45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Idea masih relevan dengan tema / tugas – Huraian masih jelas – Contoh masih sesuai – Bahasa masih gramatis – pelbagai jenis ayat tetapi ada kesalahan minimum – Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai – Penggunaan kosa kata umum – Unsur bahasa masih bervariasi – Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan – Ejaan dan tanda baca masih betul – Pengolahan masih menarik – Wacana masih lengkap – Laras bahasa sesuai mengikut tugas – Pemerenggan masih sesuai
<p>Memuaskan</p>	<p>35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Karangan masih / kurang menjawab tugas – Idea masih relevan dengan tugas – Huraian kurang jelas – Contoh kurang sesuai – Bahasa – ayat kurang gramatis – Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad – Penggunaan kosa kata umum dan terhad – Unsur bahasa kurang bervariasi – Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan – Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan minimum – Pengolahan kurang menarik – Wacana masih / kurang lengkap – Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas – Pemerenggan kurang sesuai mengikut tugas

<p>Penguasaan Minimum</p>	<p>21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Karangan kurang menjawab tugas – Idea masih relevan dengan tugas / bercampur aduk – Huraian tidak jelas / tidak berkembang – Contoh tidak sesuai – Bahasa – ayat tidak gramatis / masih difahami – Penggunaan kata kurang tepat – Penggunaan kosa kata umum dan terhad – Unsur bahasa tidak bervariasi – Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan – Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara – Pengolahan tidak menarik – Wacana tidak lengkap – Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang
<p>Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum</p>	<p>1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami – Idea TIDAK relevan / bercampur aduk – Huraian tidak jelas / tidak berkembang – Contoh tidak sesuai

Soalan 1

Pengaruh media sosial terhadap kehidupan masyarakat

[Format perbincangan – kesan positif dan negatif]

PENDAHULUAN

- Medium media sosial merupakan salah satu alat untuk menyebarkan informasi, pesanan, pendapat, desas-desus, gosip, propaganda dan sebagainya kepada masyarakat secara keseluruhannya
- Penggunaan media sosial dalam kehidupan seharian sudah menjadi satu trend pada masa ini
- Perkembangannya bagai cendawan tumbuh selepas hujan
- Penggunaannya akan memberikan kesan yang positif dan negatif kepada penggunanya sama ada daripada segi nilai, sikap dan pola tingkah laku

ISI 1

- Menjadi laluan alternatif untuk saling berinteraksi – menambah kenalan yang baru dari seluruh dunia di samping hubungan yang telah lama terputus dapat diertatkan semula
- Menyebabkan integrasi antara wilayah dan kaum dipertingkatkan
- Contohnya, aplikasi seperti Facebook, Whatsapp dan Telegram
- Memudahkan kehidupan, mencari kenalan lama atau baru
- Jarak jauh tidak menjadi batu penghalang untuk berhubung – mengikat hubungan mereka bagai aur dengan tebing – tidak perlu menulis surat untuk dipos kepada kenalan
- Kesannya – komen-komen terhadap gambar aktiviti individu yang dimuat naik secara berterusan akan mengeratkan hubungan sesama rakan, memupuk silaturahim – menjimatkan masa dan tenaga
- Jelaslah – media sosial amat berpengaruh terhadap masyarakat – dijadikan saluran utama untuk berinteraksi dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain

ISI 2

- Dapat menyampaikan maklumat dengan pantas
- Terdedah dengan banjiriran ilmu pengetahuan – segala maklumat ini hanya berada di hujung jari
- Contohnya – segala maklumat yang diingini boleh diperolehi secara mudah
- Menggunakan enjin carian Google dan Yahoo tanpa perlu pergi ke perpustakaan
- Menaip tajuk – enjin carian ini akan mencadangkan beberapa ratus laman sesawang media sosial – membincangkan tajuk yang berkaitan – pucuk dicita ulam mendatang dan orang mengantuk disorongkan bantal
- Bagi pelajar – boleh memuat turun buku elektronik secara percuma ataupun berbayar, pelajar juga boleh mendapatkan sampel tugas untuk dijadikan rujukan
- Menggunakan manfaat – mencari tips menarik di media sosial seperti tips keibubapaan, resepi masakan dan sebagainya untuk diaplikasikan di dalam kehidupan
- Terbuktilah media sosial mampu memberikan manfaat kepada anggota masyarakat – dapat membekalkan pelbagai ilmu pengetahuan yang berguna dan diamalkan dalam kehidupan

ISI 3

- Berurusan dalam talian – menjana pendapatan yang lumayan
- Boleh mengembangkan perniagaan atau memasarkan produk secara percuma tanpa memerlukan seseorang itu bersemuka secara empat mata
- Harus lebih berhati-hati ketika berurusan secara talian dan tidak mededahkan maklumat diri anda sewenang-wenangnya
- Kadar jenayah di Internet telah meningkat – telah menelan kerugian jutaan ringgit
- Contoh – penipuan banyak berlaku melalui aplikasi seperti Facebook, Blog, Twitter dan sebagainya – produk tiruan, penipuan Macau dan lain-lain
- Tegasnya – dapat mewujudkan perniagaan di hujung jari tanpa had masa dan mampu melahirkan ramai usahawan yang berjaya – pada masa sama penipuan dalam talian banyak merugikan pengguna / anggota masyarakat

ISI 4

- Penyalahgunaan media sosial merupakan punca keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat – menyebabkan perubahan penampilan akhlak – cara pergaulan, berhibur dan berkomunikasi
- Mudah terikut dengan perkara yang melalaikan – berbentuk hiburan ke arah hedonisme / keseronokan berlebihan dan tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak generasi muda hari ini
- Contohnya – bahan hiburan – melalui Internet, televisyen, Facebook, Twitter, Instagram
- Menghabiskan masa berlebihan untuk bersantai
- Memberi impak yang besar kepada akhlak – berlaku perubahan budaya asing – merubah gaya hidup generasi muda
- Tegasnya, kebanyakan anggota masyarakat – hiburan menjadi pilihan utama berbanding slot agama dan wacana ilmu yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan

PENUTUP

- Media sosial amat berpengaruh dalam dunia hari ini untuk melestarikan kehidupan masyarakat – dapat memberikan kesan positif dan negatif
- Media sosial mengalami transformasi bukan sekadar sebagai penyebar maklumat malah aktiviti hiburan termasuk baik dan buruk
- Semua pihak tampil untuk bekerjasama dalam memastikan media sosial sentiasa digunakan di jalan yang betul
- Penting untuk masyarakat terutamanya ibu bapa untuk memberikan pendedahan kepada anak tentang penggunaan media sosial dan juga bahayanya mengekspresikan diri tanpa batasan di ruang maya itu agar mereka lebih matang dalam menggunakan teknologi dengan baik

Soalan 2

Implikasi bekerja secara sambilan dalam kalangan pelajar

[Format pendapat]

PENDAHULUAN

- Kerja sambilan – merujuk kerja sementara yang biasanya dilakukan oleh golongan remaja terutama ketika musim cuti sekolah
- Turut dilakukan oleh golongan tua dan wanita
- Wajar dilakukan oleh remaja kerana sudah menjadi satu gaya hidup moden tetapi gaya ini turut mencetuskan pelbagai impak terhadap remaja
- Persoalannya, apakah implikasi bekerja secara sambilan dalam kalangan pelajar?

ISI 1

- Peluang kepada pelajar – menambahkan pendapatan, mendapatkan wang tambahan dan membantu mengurangkan masalah kewangan keluarga
- Disebabkan peningkatan kos sara hidup bukan sahaja membebankan isi rumah malah kesannya turut dirasai oleh golongan pelajar
- Sebagai contohnya – pelajar yang tersepit dengan masalah kewangan
- Mencari pendapatan alternatif – melakukan kerja-kerja sambilan – bekerja di restoran makanan segera, pasar raya, dan stesen minyak
- Kesannya – mendapat banyak pengalaman yang berguna kepada mereka
- Jelaslah – kerja sambilan – bukan sahaja dapat menambah pendapatan tetapi juga menjadi alat untuk menjelaskan erti kehidupan sebenar kepada remaja sebelum mereka benar-benar melaluinya – belum cuba belum tahu

ISI 2

- Memberi satu pengajaran berguna kepada pelajar dalam kehidupan
- Jangka masa yang pendek bersama-sama rakan sekerja dan majikan pasti meninggalkan pelbagai kesan yang menarik
- Mampu membentuk personaliti yang menarik menerusi kerja sambilan
- Contohnya – semasa bertugas di tempat kerja – dapat membina jati diri yang baru kerana kerja ini memerlukan mereka menepati masa kerana masa itu emas, rajin bekerja, menurut arahan, dan menggunakan minda ketika berinteraksi dengan pelanggan
- Kesannya – menyedari betapa kehidupan sosial memerlukan kemahiran tinggi terutama ketika di tempat kerja
- Jika dahulunya malas, tiada wawasan, tidak yakin diri dan sebagainya pasti berubah sebaik sahaja mereka bekerja secara sambilan
- Kerja sambilan dapat memberikan banyak pengajaran dalam mengharungi kehidupan

ISI 3

- Impak negatifnya – gagal mengurus masa dengan baik – menjadi individu yang terlalu sibuk, mementingkan kewangan, lupa tugas belajar mereka
- Menganggap sudah mampu hidup sendiri tanpa bantuan keluarga – terlalu angkuh – peribahasa – belum lepas tali uri sudah hendak bangkit berdiri
- Contohnya – mempunyai limitasi masa belajar berbanding rakan-rakan yang lain
- Masa yang sepatutnya digunakan oleh mereka untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran telah digunakan sebahagiannya untuk mencari pendapatan
- Kesannya – tidak mempunyai cukup masa untuk mengulang kaji pelajaran mereka
- Kekangan masa – memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik jika pelajar gagal menguruskan masa dengan baik
- Kemosotan prestasi akademik pelajar yang bekerja sambilan ialah kegagalan menguruskan masa dengan baik

ISI 4

- Akan menjejaskan kesihatan remaja
- Selepas pulang daripada sekolah, mereka harus keluar semula untuk bekerja sehingga larut malam – tercetus keadaan yang dikejar tak dapat, yang digendong keceiran
- Berasa tertekan apabila belajar lapan jam di sekolah dan harus bekerja sehingga larut malam selepas bersekolah
- Sebagai contohnya, setiap manusia memerlukan sekurang-kurangnya tujuh jam untuk tidur
- Kesannya – tidak mempunyai cukup tidur
- Tidak mampu untuk mengikuti pelajaran di sekolah pada keesokan harinya
- Ke kerapannya tidak hadir ke kelas – semakin kerap pelajar ponteng sekolah, semakin tinggi risiko ke atas prestasi akademik mereka
- Tekanan daripada sekolah dan kerja pastinya akan menjejaskan kesihatan mereka

PENUTUP

- Kerja sambil banyak kebaikan – tetapi wajar dilakukan secara bertanggungjawab
- Menimbang dengan mendalam sebelum menyertai kerja sambil
- Bertanya kepada diri sendiri, adakah ini sesuatu yang ingin dilakukan?
- Pelajar yang berhasrat untuk melakukan kerja sambil haruslah bijak menguruskan masa belajar dan bekerja supaya tidak mengganggu pelajaran
- Pelajar juga seharusnya mengambil peluang mempraktikkan apa-apa yang dipelajari dengan pekerjaan yang dilakukan
- Tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai pelajar jangan menjadi seperti kura-kura di kaki ditinggalkan, burung terbang dikejar

Soalan 3

Usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

[Calon perlu memberikan saranan yang lain daripada bahan stimulus]

[Format pendapat]

PENDAHULUAN

- Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perhubungan atau lingua franca lebih 600 tahun lalu
- Telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan negara dan telah menjadi bahasa rasmi sejak merdeka
- Termaktub dalam Perlembagaan Negara, iaitu Perkara 152
- Kemelut yang melanda – rakyat negara ini semakin meminggirkan bahasa Melayu
- Perlu membuktikan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan
- Kata-kata keramat Bahasa Jiwa Bangsa dijulung kembali
- Usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa perlu dilakukan secara berkesan

ISI 1

- Pihak kerajaan perlu memainkan peranan yang dominan – memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa
- Lalui peranan dan usaha yang dimainkan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Contohnya – menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang, termasuklah undang-undang, kejuruteraan, sains dan teknologi, ekonomi, perbankan, insurans dan sebagainya
- Terbukti dengan terbitnya buku-buku pengistilahan dan glosari dalam bahasa Melayu – mencakupi pelbagai bidang – bersungguh-sungguh – hendak menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan
- Usaha ini merupakan satu kejayaan yang membanggakan – dapat membantu program pendidikan di pusat pengajian tinggi – digunakan pelajar tempatan mahupun pelajar dari luar negara

ISI 2

- Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar
- Menggunakan bahasa Melayu dalam ucapan majlis perasmian, mesyuarat atau perhimpunan
- Contohnya pihak DBP menjalin hubungan dengan Radio Antarabangsa China (CRI)
- Menghantar penasihat bahasa – berkhidmat sebagai editor yang menyemak artikel dan berita yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk Siaran Bahasa Melayu – membuat dengan sempurna – alang-alang berminyak biar sampai licin
- Kesannya – mengeratkan lagi hubungan CRI dengan DBP seiring dengan matlamat kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia
- Perlu memperkukuh hubungan diplomatik dengan negara maju – agar bahasa Melayu dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

ISI 3

- Pihak kerajaan melalui DBP hendaklah menjadi mata dan telinga dalam menggerakkan semua aktiviti pembinaan dan pemantapan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa
- Sentiasa menasihat, menegur, dan membimbing pemimpin kerajaan, swasta, media cetak, atau media elektronik supaya menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam semua urusan rasmi di dalam atau di luar negara
- Contohnya memastikan sektor swasta peka akan penggunaan bahasa Melayu
- Menganjurkan lebih banyak kegiatan bahasa di luar negara seiring dengan promosi perniagaan atau produk masing-masing
- Impaknya – kegiatan promosi dan pasaran secara terancang akan memberikan pulangan yang merangsangkan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ekonomi, sains, dan teknologi
- Dapat mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu bukan sahaja di negara kita malah di pentas dunia

ISI 4

- Pihak kerajaan memastikan institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara memainkan peranan yang proaktif memartabatkan bahasa Melayu
- Mahasiswa perlu bergerak bersama-sama bagi mengukuhkan bahasa Melayu dalam semua bidang ilmu
- Sebagai contoh, Datuk Mahadzir Mohd Khir, mantan Timbalan Menteri Pendidikan – mengatakan bahawa langkah-langkah yang dijalankan oleh mahasiswa dengan menganjurkan Minggu Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi dalam kegiatan pengantarabangsaan budaya dan bahasa Melayu – akan menarik minat masyarakat antarabangsa
- Dapat mendaulatkan bahasa ibunda di samping memupuk kecintaan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan – masyarakat tempatan dan luar negara
- Komitmen dan perancangan yang teliti – dilakukan bagi menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan selerak – sudah pasti hasrat memartabatkan bahasa Melayu di persada antarabangsa akan tercapai

PENUTUP

- Kesimpulannya – pelibatan kerajaan dalam memartabat bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa amatlah penting
- Langkah-langkah yang konkrit dan pragmatik perlulah diambil
- Hakikat ini perlu disedari dan diakui oleh seluruh rakyat Malaysia
- Kepentingan bahasa ini tidak dapat dipertikaikan lagi
- Setiap individu harus menyokong hasrat ini – memanfaatkan masa mereka untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan baik dan mempromosikannya ke seluruh pelosok dunia
- Cara itulah yang terbaik untuk memartabatkan bahasa Melayu yang ternyata memberikan faedah yang besar kepada perpaduan rakyat dan teknologi negara
- Jika tidak, generasi yang akan datang akan ketinggalan dan dijajah oleh kuasa-kuasa Barat yang menggunakan bahasa asing
- Sesungguhnya, bahasa jiwa bangsa

Soalan 4

Cara-cara yang boleh dilakukan untuk mengekalkan amalan hidup bersatu padu.

[Calon perlu mengambil cadangan daripada bahan stimulus]

[Format pendapat]

Karangan – Cara-cara Mengekalkan Perpaduan Kaum

PENDAHULUAN

- Sejak merdeka – 31 Ogos 1957, penduduk Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum hidup bagai aur dengan tebing
- Merupakan sebahagian sejarah dan warisan negara kita
- Walaupun menyedari hakikat bahawa rambut sama hitam, hati lain-lain, namun masyarakat yang berbilang kaum ini hidup dengan aman dan damai
- Semua pihak – perlu memegang pada kekuatan jata negara, yakni “Bersekutu Bertambah Mutu” – berperanan penting menjadikan Malaysia tempat yang harmoni untuk hidup, belajar, bekerja dan bermain bersama
- Mengenal pasti dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengeratkan perpaduan kaum

ISI 1

- Pelbagai pihak bertanggungjawab dalam mempraktikkan amalan hidup bersatu padu – melalui aktiviti kemasyarakatan
- Melibatkan semua peringkat – umur, pelbagai kaum
- Dapat mengeratkan hubungan, saling mengenali persis mutiara kata belayar sambil memapan
- Contohnya – memperbanyak aktiviti gotong-royong di taman-taman perumahan
- Langkah paling berkesan untuk memupuk perpaduan kaum
- Keluar untuk bekerja bersama-sama membersihkan taman-taman perumahan sambil berinteraksi kerana tak kenal maka tak cinta
- Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir pernah menegaskan bahawa bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat – perpaduan merupakan kekuatan negara
- Melalui aktiviti kemasyarakatan – dapat mengamalkan prinsip berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Dapat menikmati pembangunan nusa tercinta ini bersama-sama

ISI 2

- Membudayakan amalan kunjung-mengunjung ke rumah rakan-rakan yang berlainan kaum
- Kebudayaan antara kaum dapat difahami dengan lebih mendalam sekali gus
- Dapat menjana tahap kefahaman dan membina masyarakat yang saling menghormati
- Contohnya – pada musim-musim perayaan kerana rakyat negara ini gemar mengadakan majlis rumah terbuka
- Amalan rumah terbuka ini membuka ruang kepada rakyat berbilang kaum saling berkenalan dan beramah mesra di samping menikmati makanan tradisional kaum masing-masing
- Sikap buang yang keruh, ambil yang jernih ternyata mampu menjalin hubungan semangat perpaduan yang tersedia utuh

ISI 3

- Mewujudkan satu jenis kurikulum dan satu jenis sekolah kebangsaan – belajar di bawah satu bumbung
- Menghimpun kanak-kanak dan remaja tanpa mengira latar belakang mereka dan memberikan pendidikan yang terbaik
- Akan berinteraksi dan bergaul sesama mereka dan melahirkan kesefahaman serta kekitaan dalam menghadapi persekolahan
- Contohnya – sekolah vernakular – diubah menjadi sekolah nasional – penyatuan ini bukan tidak akan menjejaskan perpaduan malah menggalakkan interaksi positif dalam kalangan pelajar pelbagai kaum
- Pelaksanaan kurikulum yang sama – mengelakkan jurang pendidikan antara mereka
- Tegasnya, dengan menyatukan institusi pendidikan di bawah satu sistem sahaja semangat perpaduan antara kaum dapat dilahirkan persis kata peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebungunya

ISI 4

- Boleh dipupuk dengan memperkasa aktiviti sukan dan rekreasi dalam komuniti
- Selain manfaat kesihatan, aktiviti sukan dan rekreasi juga mampu melahirkan sifat bekerjasama dan toleransi antara satu sama lain
- Penting bagi kita untuk saling memahami budaya dan adat resam yang diamalkan oleh setiap kaum dan bangsa di Malaysia
- Contohnya, pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi setempat – yang mudah untuk disertai dan boleh dilakukan pada setiap hari tanpa mengira waktu dan lapisan umur masyarakat
- Pihak NGO, pihak berkuasa tempatan dan kerajaan hendaklah berganding bahu sebagai aur dengan tebing dalam menyediakan dan menyelenggara infrastruktur rekreasi dan sukan untuk masyarakat umum
- Intihannya, – menyertai aktiviti sukan dan rekreasi, masyarakat bukan sahaja dapat bersatu padu malah menjadi lebih sihat dan cergas

PENUTUP

- Sudah terang lagi bersuluh – negara kita dapat berkembang maju dengan lebih lancar
- Jika rakyat Malaysia mengaplikasikan mesej dalam peribahasa ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni dalam kehidupan seharian – dijadikan realiti, bukannya fantasi
- Seperti lirik lagu yang dipopularkan oleh penyanyi Adibah Noor, ikan di laut, asam di darat, dalam periuk, bikin muafakat
- Kita sebenarnya mempunyai banyak perbezaan tetapi jika disatukan dalam prinsip dan nilai kemanusiaan yang baik, pastinya perpaduan dapat dilahirkan dan dikekalkan
- Perlu minda yang terbuka dan luas pengetahuan untuk menerima dan menghormati kaum atau bangsa lain serta hidup dengan aman dan harmoni di bawah Jalur Gemilang
- Semoga – dapat direalisasikan dan menjadi tunjang kemajuan negara untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain

KERTAS 2

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA [35 markah]

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 6 markah

Soalan 5: 4 markah

PANDUAN PENSKORAN

Perhatian bagi Soalan 1 : Morfologi

1. Berikan 1 *markah* bagi setiap kata kerja yang disenaraikan dengan betul.
2. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 3 kata kerja aktif transitif, semak setakat 3 kata kerja aktif transitif yang pertama sahaja.
3. Berikan 1 *markah* bagi setiap ayat daripada kata kerja yang betul.
4. Jika calon membina lebih daripada 3 ayat, semak setakat 3 ayat yang pertama sahaja.
5. Tolak 1 *markah* bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
6. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 *markah*.
7. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 *markah*.
8. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 *markah*.
9. Ayat tidak jelas maksudnya, berikan 0 *markah* bagi setiap ayat.
10. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada mana-mana petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 *markah*.
11. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
12. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi penggunaan tanda baca dengan betul.

Soalan 1

i. memperoleh

Maksud:

Mendapat, menerima (mencapai atau menemui) dengan ikhtiar atau usaha

Ayat contoh:

Kita telah memp peroleh kemerdekaan tanpa menumpahkan darah setitik pun.

ii. mengambil

Maksud:

1. Memegang sesuatu lalu membawa atau mengangkatnya; memungut sesuatu yang ada di bawah
2. Menggunakan sesuatu kepunyaan orang (dengan kebenaran ataupun tidak)
3. Memerlukan atau memakan
4. Mendapatkan sesuatu (seperti sukatan, bacaan) dengan menyukat atau dengan mengukur
5. Menerima orang untuk bekerja dan sebagainya

Ayat contoh: Adik telah mengambil wuduk sebelum melakukan ibadat solat sebentar tadi.

iii. mendapatkan

Maksud:

1. Pergi bertemu atau berjumpa dengan, pergi atau datang kepada (seseorang)
2. Mendapat, memperoleh (menerusi usaha)
3. Mengunjungi, menziarahi
4. Mengunjungi (sebagai permulaan dalam surat), menjelang, menemui

Ayat contoh: Amirah berlari-lari mendapatkan ibunya yang baru pulang dari pejabat.

iv. memilih

Maksud:

1. Menunjukkan barang, orang dan lain-lain yang disukai
2. Mencari atau memisah-misahkan mana yang baik
3. Menentukan orang dan lain-lain dengan menyatakannya

Ayat contoh: "Kalian hendaklah memilih calon yang benar-benar layak menjadi pengerusi persatuan," kata Cikgu Asri.

v. mempunyai

Maksud:

Ada menaruh atau menyimpan sesuatu; ada yang dimilikinya atau memiliki:

Ayat contoh: Kata hikmat atau kata pujangga ialah kata-kata daripada orang bijak pandai yang mempunyai pengertian yang tinggi.

[Maksimum : 8 markah]

Perhatian bagi Soalan 2: Sintaksis

1. Berikan 1 *markah* bagi setiap Frasa Nama (Subjek) yang betul.
2. Berikan 1 *markah* bagi setiap FN, FK, FA, atau FSN (predikat) yang betul.
3. Susunan dan maksud ayat mesti dikekalkan bagi setiap subjek dan predikat.
4. Jika susunan ayat tidak dikekalkan beri 0 *markah*.
5. Tidak menambah perkataan lain atau mengurangkan perkataan yang sedia ada dalam ayat.

Soalan 2

i. Pola Ayat: FN + FK

FN: 140 buah universiti daripada 50 buah negara di dunia

FK: menawarkan pengajian Bahasa Melayu

ii. Pola Ayat: FN + FA

FN: Penerimaan pelajar luar negara terhadap bahasa Melayu

FA: begitu positif.

iii. **Pola Ayat: FN + FN**

FN: sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu

FN: ialah individu yang tidak terpelajar

[Maksimum: 6 markah]

Perhatian bagi Soalan 3: Penyuntingan

- (i) Periksa jawapan calon setakat enam kesalahan pertama yang disenaraikan bagi Bahan 1 dan lima kesalahan pertama yang disenaraikan bagi Bahan 2.
- (ii) Berikan 1 *markah* bagi setiap kesalahan bahasa yang dibetulkan dengan tepat.
- (iii) Berikan 0 *markah* jika calon tidak menyenaraikan perkataan yang salah.
- (iv) Terima jawapan jika calon membetulkan kesalahan dalam petikan yang ditulis semula.

Soalan 3

Bahan 1

	Salah	Betul
i.	Dari	Daripada
ii.	Febuari	Februari
iii.	dipilihkan	dipilih
iv.	dilaut	di laut
v.	maklumat	makluman
vi.	dihargai oleh saya	saya hargai

[Maksimum: 6 markah]

Bahan 2

	Salah	Betul
i.	yang	bahawa
ii.	dikendali	mengendalikan
iii.	memuji	memohon
iv.	demi untuk	untuk/demi
v.	bermula	bermula dari
vi.	atlit	atlet

[Maksimum: 5 markah]

Perhatian bagi Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Panduan Penskoran

Deskripsi	Markah
	6
– Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 – 6
– Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	4
– Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	3
– Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
– Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
– Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
– Ayat disalin bulat-bulat	0
– Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4

Seri Amerta berasal dari Pasai, tanah Samudera namanya. Disebabkan beliau cerdik dan fasih berbicara, beliau dilantik oleh baginda sebagai bentara yang diberi gelaran Seri Amerta. Baginda menyediakan sebuah bangku tebal dan kedudukan bangku itu adalah di bahagian bawah hampir dengan tempat duduk baginda. Di situlah beliau memegang pedang dan menyampaikan setiap titah raja.

[Maksimum: 6 markah]

Perhatian bagi Soalan 5: Peribahasa

1. Berikan 1 *markah* untuk setiap peribahasa yang tepat.
2. Berikan 1 *markah* untuk setiap maksud peribahasa yang tepat.
3. Berikan 0 *markah* untuk peribahasa yang salah.
4. Periksa atau tanda 2 peribahasa yang pertama sahaja

Soalan 5

- i. Indah khabar dari rupa.
Maksud: Perkhabaran tentang sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan.
- ii. Alah membeli menang memakai
Maksud: Sesuatu barang yang dibeli dengan harga yang agak mahal tetapi berkualiti dan mampu bertahan lama.
- iii. Ukur baju di badan sendiri.
Maksud: Berbelanja mengikut kemampuan diri.

[Maksimum: 4 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN [35 markah]

Markah penuh 35 *markah* dibahagikan kepada:

Soalan 6: 12 markah

Soalan 7: 13 markah

Soalan 8: 10 markah

Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

i. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

Deskripsi	Markah
– Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat gramatis	2
– Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat tidak gramatis	1
– Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	
– Jawapan salah	0

ii. **Soalan 3 markah:** Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

Deskripsi	Markah
– Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat gramatis	3
– Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	2
– Isi tidak cukup/menyentuh semua bahan/ayat gramatis	
– Isi tidak cukup/tidak menyentuh semua bahan	1
– Jawapan salah	0

iii. **Soalan 4 markah:** Pemahaman unsur KBAT dan novel

Deskripsi	Markah
– Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas/ayat gramatis	4
– Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	3
– Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
– Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
– Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	1
– Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	
– Jawapan salah	0

Soalan 6

CADANGAN JAWAPAN

	Markah
i. Maksud <i>bukanlah noktah</i>	
– Tidak/tiada berakhir/tidaklah terhenti/titik terakhir/pengakhiran/penamat	2
– Bukan titik/bukan pengakhiran/penamat/terhenti/berakhir	1
– Tidak/tiada noktah	1

[Maksimum: 2 markah]

	Markah
ii. Kesan terhadap ibu bapa apabila anak-anak memperoleh keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan	
Bahan 1 – P1 Berasa bersalah	1
Bahan 1 – P2 Berasa kecewa	1
Bahan 2 – P1 Tidak dapat menerima hakikat	1
Bahan 1 – P2 Amat sukar menerima kegagalan	1

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi (1 isi daripada setiap bahan)]

	Markah
iii. Peranan-peranan kaunselor untuk membantu murid yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang melanjutkan pelajaran mereka	
P1 – Membantu murid membuat pilihan kursus yang sesuai dengan mereka	1
P2 – Menerangkan kelebihan pusat pengajian tinggi	1
P3 – Mendapatkan maklumat daripada IPTA/IPTS/brosur terkini	1
P4 – Mengadakan sesi motivasi/penerangan/taklimat tentang IPTA/IPTS	1
P5 – Mempertingkatkan kesediaan mental/emosi/psikologi murid	1
[Mana-mana peranan lain boleh diterima jika sesuai]	

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

		Markah
iv.	Tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh rakan anda untuk mengurangkan stres	
	P1 – Meminta nasihat daripada guru/pihak lain	1
	P2 – Menghadiri/menyertai majlis ilmu/agama/kem bina semangat	1
	P3 – Mengisi masa senggang dengan perkara bermanfaat	1
	P4 – Meminta nasihat daripada ibu bapa/sahabat/rakan lain	1
	P5 – Membentuk kumpulan belajar/kelas tambahan	1
	[Mana-mana tindakan lain boleh diterima jika sesuai]	

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7

CADANGAN JAWAPAN

		Markah
i.	(B1) Akibat-akibat orang yang tidak berilmu	
	P1 – Merana	1
	P2 – Dijadikan hamba	1
	P3 – Dihina	1

[Maksimum: 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

		Markah
ii.	Kepentingan-kepentingan ilmu kepada seseorang	
	Bahan 1:	
	P1 – Sangat mulia	1
	P2 – Disayangi orang sepanjang masa	1
	P3 – Pembimbing / penerang di dunia dan di akhirat	1
	P4 – Seperti lilin menerangi orang lain	1
	P5 – Dipandang tinggi oleh masyarakat / disanjung tinggi masyarakat	1
	Bahan 2:	
	P1 – Mampu berjuang sebagai warga sebuah kota besar yang agung	1
	[Jawapan mesti berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2]	

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi (1 isi bagi setiap bahan)]

		Markah
iii.	Usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh golongan remaja untuk menambahkan ilmu pengetahuan	
	P1 – Membaca	1
	P2 – Menggunakan media massa/Internet/media sosial/rancangan televisyen	1
	P3 – Meminta tunjuk ajar daripada guru/ibu bapa/ahli keluarga	1
	P4 – Membuat kajian/penyelidikan	1
	P5 – Melibatkan diri dalam program ilmu/kursus/motivasi	1
	[Mana-mana usaha lain boleh diterima jika sesuai]	

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

		Markah
iv.	Cadangan-cadangan yang dapat anda berikan kepada Mel supaya dia terus tinggal di desa	
	P1 – Menjalankan pertanian/ mengusahakan tanah	1
	P2 – Mengusahakan perniagaan/ IKS	1
	P3 – Meminta Mel menjaga ibu bapa	1
	P4 – Meminta Mel menjadi pemimpin belia	1
	[Mana-mana cadangan lain boleh diterima jika sesuai]	

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

CADANGAN JAWAPAN

		Markah
i.	Tekanan-tekanan yang dihadapi oleh Raiha	
	P1 – Berasa dirinya dikejar bayangan Doktor Sadiz	1
	P2 – Berasa sepi, terasing dan amat terkilang	1
	P3 – Wujud perasaan yang menakutkannya	1
	P4 – Cukup menyeksa dunia batinnya	1
	P5 – Sukar merehatkan diri di pembaringannya	1

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Panduan permarkahan bagi Soalan 8 (ii)

- Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- Jawapan mestilah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- Berikan 1 *markah* bagi setiap isi (peristiwa) yang betul.
- Berikan 1 *markah* bagi peristiwa/huraian/ccontoh yang lengkap/jelas bagi setiap isi.
- Markah isi maksimum 4 *markah* [2 *markah* bagi setiap isi dan peristiwa/huraian/ccontoh.]
- Markah bahasa maksimum 2 *markah*, diberikan secara kesan menyeluruh, iaitu baik 2 *markah*, lemah 1 *markah*.
- Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 *markah* untuk bahasa.
- Calon tidak menjawab 0 *markah*.

[Maksimum: 6 markah]

ii. Peristiwa yang menggembirakan

(a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib*

- Peristiwa yang menggembirakan saya yang pertama ialah peristiwa Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun. Pak Saidi telah melawan dan menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi telah berjaya membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana saya kagum akan semangat patriotik dan keberanian Pak Saidi yang sanggup berjuang mempertahankan maruah negara dan keluarga hingga titisan darah terakhir.
- Peristiwa yang menggembirakan saya yang kedua ialah peristiwa penduduk kampung yang tidak memberikan maklumat kepada tentera Jepun yang mencari ahli keluarga Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal. Mereka menyembunyikan keluarga Adnan. Hanya Pak Saidi yang berjaya dikesan oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana wujudnya kerjasama dalam kalangan penduduk kampung untuk menyelamatkan keluarga Leftenan Adnan yang telah terkorban demi negara.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Farisha, Rosman dan Aqram telah menghadiri Simposium Keselamatan Sistem di Hotel Renaissance. Farisha teruja kerana setiap peserta diberi peluang untuk menggodam sistem komputer di Amerika Syarikat dan Jepun. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana walaupun Farisha, Rosman dan Aqram telah menjadi pakar dalam bidang komputer tetapi mereka tidak melepaskan peluang untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang tersebut.
- Peristiwa yang menggembirakan saya adalah apabila Shida, rakan serumah Farisha sentiasa membantu Farisha seperti menghantar Farisha ke stesen monorel, menghantar ke Softlab dan membantu Farisha menyemak dokumen kontrak. Saya berasa gembira kerana Farisha bertuah memiliki sahabat yang baik ketika susah dan senang.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam. Ketika pertemuan itu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu. Farisha menangis mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu. Pembaca berasa gembira kerana akhirnya Farisha berpeluang menemui ayah kandungnya buat kali terakhir.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Lili menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga Che Jah.
Contoh : Lili telah berjaya menyelesaikan kemelut rumah tangga Che Jah dengan bantuan Puan Hamimah, Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Danel menyiapkan artikel ‘Segalanya Tentang Pisang’.
Contoh : Danel berjaya menyiapkan berbelas-belas artikel tentang pisang dalam sebuah buku.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Rafik dan Haziq menyambung pelajaran.
Contoh : Mereka berdua telah berubah dan insaf dengan bantuan datuk Lili. Akhirnya mereka akan menduduki peperiksaan PMR sebagai calon persendirian.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Lili dan Danel menyelesaikan isu kubah.
Contoh : Lili dan Danel berasa amat gembira kerana akhirnya mereka berjaya menyelesaikan isu kubah dengan mencadangkan kubah itu diletakkan di masjid baharu yang bakal dibina.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Doktor Raiha bertanggungjawab membedah Doktor Uwang setelah beliau terlibat dalam kemalangan iaitu terlanggar tembok garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih. Pembedahan harus dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa Doktor Uwang dan menggantikan sendi pada lutut dan sebelah pergelangan tangannya yang parah. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana Doktor Raiha sentiasa bertanggungjawab terhadap tugasnya sebagai seorang doktor.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Doktor Raiha yang telah mengusap dahi Felicia Landosi sambil tersenyum dan menasihatinya. Doktor Raiha bersedia memaafkan Felicia Landosi dan menerima semua takdir itu dengan menyatakan bahawa mereka merupakan mangsa keadaan. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana Doktor Raiha telah memaafkan kesilapan Felicia Landosi dan beliau pasrah menerima takdir hidupnya.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(e) *Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip*

- Peristiwa kejayaan Dahlia melanjutkan pelajaran ke Jepun.
Contoh : Dahlia berjaya melanjutkan pelajaran ke Jepun walaupun terpaksa mengharungi pelbagai kesusahan seperti kemiskinan hidup keluarga dan masalah keluarga.
- Peristiwa kejayaan keluarga Dahlia menginsafkan Nek Kiah.
Contoh : Nek Kiah yang tidak menyukai keluarga Dahlia akhirnya insaf selepas dia dijaga oleh Dahlia dan adik-beradiknya semasa Nek Kiah sakit.
- Peristiwa kejayaan masyarakat kampung bermuafakat dan bekerjasama semasa banjir besar melanda.
Contoh : Penduduk Kampung Haji Rais telah bermuafakat dan bekerjasama membina rumah Embong semula yang musnah akibat banjir. Kaum wanita bergotong-royong menyediakan makanan.
- Peristiwa kejayaan hubungan Dahlia dengan Azhari.
Contoh : Dahlia dan Azhari akhirnya bertunang walaupun menempuh pelbagai dugaan dalam perhubungan mereka.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(f) *Tirani karya Beb Sabariah*

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan Chalet Iwana-Iwani yang terletak di Cameron Highlands daripada Pak Cik Aziz dan menukarkan nama chalet itu kepada Aya-Sajinah. Waheeda menggembleng kudratnya untuk membangunkan chalet itu walaupun kadang kala terpaksa berjauhan dengan anak kesayangannya, Izzati yang bersekolah di Sarawak. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana kegigihan Waheeda dalam perniagaan Chalet Aya-Sajinah telah berjaya membuah kejayaan apabila chalet tersebut menjadi tumpuan pelancong.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Zahid muncul pada waktu pagi di Kafe Iwana-Iwani dengan harapan akan dapat melihat wajah Izzati dengan lebih dekat lagi. Akhirnya, pertemuan Zahid dan Izzati mengungkap rasa kesal, sedih dan reda kerana gadis yang dilihat oleh Zahid dalam tiga hari ini ialah anaknya yang selama ini dirindukannya. Zahid juga ingin bertemu dengan Waheeda untuk meluahkan perasaan rindu, kesal dan bersalah akibat tindakannya mengabaikan dan meninggalkan Waheeda dan Izzati selama 20 tahun. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana Zahid akhirnya insaf atas kesilapannya selama ini yang mengabaikan keluarganya.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(g) *Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop*

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa seorang penduduk tempatan telah membuat aduan tentang aktiviti bukan perladangan di sebuah ladang kelapa sawit yang terletak jauh di pedalaman Bestari Jaya. Pasukan Gerak Khas telah diarahkan ke lokasi tersebut untuk mengadakan serbuan dan tangkapan. Selepas berbalas tembakan, Muhammad Taufik berjaya diselamatkan. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana wujudnya kerjasama daripada penduduk setempat dengan pihak polis sehingga berjaya menyelamatkan Muhammad Taufik.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Muhammad Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa. Dia telah mengembalikan selendang hitam manik kristal yang disimpannya semenjak hari pertama dia mengetahui Nurul Hafsa diculik. Muhammad Taufik menyampaikan hasratnya untuk menghantar rombongan lamaran ke kediaman orang tua Nurul Hafsa. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana pada akhir cerita, Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa akan berkahwin.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(h) *Silir Daksina karya Nizar Parman*

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa apabila Ratna gagal mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM, dia bertekad membantu emaknya menguruskan gerai dengan dibantu oleh abang dan adiknya. Ratna bercita-cita untuk membuka restoran sendiri dan menjadi seorang usahawan berjaya. Dia tidak menoleh ke belakang dan akhirnya dia telah diberikan kepercayaan oleh emaknya mengurus gerai itu. Kesungguhan Ratna menguruskan perniagaan keluarganya sehingga dia berjaya mencapai impiannya untuk menjadi ahli perniagaan membanggakan pembaca.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Tauke Ong yang terpaksa merantau dari Ipoh ke Batu Pahat, Johor kerana semua tanah mendiang bapanya habis digadaikan oleh abangnya yang suka berjudi. Tauke Ong sekeluarga terpaksa memulakan kehidupannya ditempat baharu dalam keadaan yang sukar. Tauke Ong bekerja menoreh getah di kebun ayah Cikgu Zam dan meraih hasil penduduk kampung pada waktu petang. Berkat kerajinannya, Tauke Ong telah berjaya membeli sebidang tanah untuk dijadikan tapak rumah. Saya berasa gembira dan terharu akan usaha gigih Tauke Ong memberikan keselesaan kepada keluarganya.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Haiqal tetap dengan pendiriannya untuk pergi ke kampung ayahnya walaupun mendapat tentangan keras daripada uminya dan uminya menyatakan kepada Haiqal bahawa dia tidak akan memberinya wang saku walau satu sen pun ke sana. Namun, ketika Haiqal membuat persembahan zamin, ibunya, walid dan adik tirinya Siti Aishah hadir menyaksikan Haiqal membuat persembahan. Sikap umi yang akhirnya merestui minat Haiqal ini menggembirakan pembaca kerana hubungan yang renggang dapat dipulihkan semula.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah Peristiwa kesungguhan Ai Ling datang ke rumah Cikgu Zam setiap petang untuk belajar mengawal pernafasan selain perlukan konsentrasi ketika bersajak. Cikgu Zam mengajar Ai Ling cara mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul sehingga pukul 6.30 petang setiap hari. Akhirnya Ai Ling memenangi pertandingan mendeklamasikan puisi peringkat sekolah untuk murid-murid tahap satu. Saya berasa gembira dan bangga dengan usaha gigih Ai Ling sehingga berjaya dalam pertandingan tersebut.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Abdullah Kayan yang sanggup berpisah dengan isteri dan anaknya kerana kecintaannya terhadap sastera dan warisan budaya iaitu tarian zamin yang ada di kampungnya iaitu Sri Purnama Batu Pahat, Johor. Semasa di Batu Pahat, Abdullah Kayan telah berusaha mengembangkan seni tarian zamin. Beliau telah menghidupkan semula kumpulan zamin D’Purnama dan menubuhkan Aksara untuk mengembangkan kesusasteraan dalam kalangan masyarakat Kampung Seri Purnama. Pembaca berasa gembira serta bangga kerana Abdullah Kayan sanggup menghidupkan semula warisan budaya yang telah lama dipinggirkan.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

BAHAGIAN C: RUMUSAN [30 Markah]

Markah penuh di bahagikan kepada:

- (a) Isi – 20 markah
- (b) Bahasa – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- i. Panduan mengira perkataan:
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - Nama khas
 - Perkataan berganda
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana

- ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- iv. Berikan 2 *markah* bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- v. Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- vi. Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bil Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Maksimum
(i) Pendahuluan								2
(ii) Isi Bahan 1								
Fokus 1 (Langkah/Usaha/Cara)	4	4	3	3	2	2	1	16
Fokus 2 (Punca/Cabaran)	3	1	2	1	3	2	3	
(iii) Isi Bahan 2								
Fokus 1 (Langkah/Usaha/Cara)	1	1	1	1	1	1	1	
Fokus 2 (Punca/Cabaran)	1	1	1	1	1	1	1	
(iv) Isi Bahan 3								
Fokus 1 (Langkah/Usaha/Cara)	2	1	1	2	1	2	2	
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8	
(v) Penutup/Kesimpulan								2
Jumlah Markah								20

(b) Bahasa [10 markah]

Peringkat	Markah Bahasa	Huraian
Cemerlang	8 – 10	<ul style="list-style-type: none"> – Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik – Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. – Penggunaan kosa kata luas dan tepat – Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7	<ul style="list-style-type: none"> – Kesinambungan ayat baik – Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. – Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat – Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"> – Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik – Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. – Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat – Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2	<ul style="list-style-type: none"> – Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta, markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 *markah* dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 *markah* dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 *markah*.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 *markah* bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Soalan 9
CADANGAN JAWAPAN

	PENDAHULUAN [2 markah]	Markah
P1	Membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara dan halangan/masalah/kekangan/cabaran yang dihadapi untuk memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	2
P2	– Membincangkan langkah-langkah/ usaha-usaha/cara-cara dan faktor/punca/sebab rakyat tidak mahu bertutur dalam bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	2
P3	– Membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara untuk memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	1
P4	– Membincangkan faktor/punca/sebab rakyat tidak mahu bertutur dalam bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	1
P5	– Membincangkan halangan/kekangan yang dihadapi faktor/punca/sebab rakyat tidak mahu bertutur dalam bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	1

ISI [16 markah]

	Fokus 1 – Langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara untuk memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	Markah
Bahan 1	A1 – Pelbagai pihak perlu mengadakan aktiviti bahasa Melayu	2
	A2 – Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan Unit Khas Pelaksanaan Bahasa	2
	A3 – Kerajaan perlu melaksanakan pelbagai bentuk kempen kesedaran	2
	A4 – Para penulis hendaklah menghasilkan karya yang menjurus ke arah penggunaan bahasa kebangsaan yang gramatis	2
Bahan 2	B1 – Pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu yang betul pada papan iklan	2
Bahan 3	C1 – Melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan	2
	C2 – Menghargai jasa tokoh bahasa	2

	Fokus 2 – Punca-punca bahasa Melayu tidak digunakan dengan betul/Cabaran-cabaran untuk memartabatkan bahasa Melayu	Markah
Bahan 1	D1 – Segelintir rakyat Malaysia yang malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu	2
	D2 – Masih terdapat anggota masyarakat yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu	2
	D3 – Lambakan penggunaan bahasa slanga dan tidak gramatis dalam laman media sosial	2
	E1 – Terdapat banyak kesalahan bahasa pada papan iklan	2

	PENUTUP [2 markah]	MARKAH
K1	Kesimpulannya, bahasa kebangsaan/bahasa Melayu hendaklah dimartabatkan supaya/agar kedudukannya terus terjamin/kukuh/terpelihara	2
K2	Semua pihak mestilah memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu supaya/agar kedudukannya terus terjamin/kukuh/terpelihara	2
K3	Semua pihak mestilah memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu di negara kita	
	[Kesimpulan lain boleh diterima jika sesuai]	

KERTAS 1

BAHAGIAN A [30 markah]

Langkah-langkah menggalakkan remaja mempelajari seni bela diri

PENDAHULUAN

- Pelbagai seni bela diri mengikut tradisi kaum dan bangsa
- Warisan nenek moyang perlu dipertahankan
- Banyak yang tidak menyedari kepentingannya
- Persoalannya, apakah langkah-langkah menggalakkan remaja menyertai seni bela diri ini?

ISI-ISI

[Cukup dua isi, jika idea utama, huraian, contoh dan penegasan dihuraikan dengan lengkap, bernas dan matang]

ISI 1

- Ibu bapa perlu memberikan galakan sejak kecil – hendak melentur buluh biar dari rebungunya
- Sebagai asas untuk mempertahankan diri dan untuk melindungi diri kita
- Menghantar anak ke kelas seni bela diri
- Sentiasa berwaspada dan bertindak balas dalam situasi yang terdesak kerana malang itu tidak berbau

ISI 2

- Seni bela diri dijadikan salah satu daripada aktiviti kokurikulum
- Wajib disertai – bimbingan daripada jurulatih yang pakar
- Mengadakan persembahan semasa majlis tertentu
- Dapat meningkatkan keyakinan dan keberanian diri – seperti kecil-kecil anak harimau

ISI 3

- Mengadakan kempen atau program seni bela diri – peringkat kebangsaan atau antarabangsa
- Menyebarluaskan seni bela diri hingga ke luar negara – orang tak kenal, maka tak cinta
- Pameran, festival, tayangan video, pertandingan
- Memupuk minat dalam kalangan remaja

PENUTUP

- Remaja perlu menghargai warisan nenek moyang
- Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- Dapat melahirkan remaja yang berintensiti – tabah, berani berhadapan dengan sebarang kemungkinan yang bakal berlaku

BAHAGIAN B [70 markah]

Soalan 1

Langkah-langkah menarik minat ibu bapa dan penjaga menghadiri program hari terbuka di sekolah

PENDAHULUAN

- Diadakan untuk membincangkan apa-apa perkara yang berkait dengan persekolahan anak-anak
- Mempunyai hubungan positif dengan tahap pencapaian akademik aktiviti kokurikulum dan disiplin
- Persoalannya – langkah yang perlu diambil untuk menarik minat ibu bapa dan penjaga menghadiri program hari terbuka di sekolah

ISI-ISI

ISI 1

- Melalui hebahan surat undangan dan promosi kepada ibu bapa dan penjaga
- Menjelaskan matlamat mengadakan hari terbuka
- Contohnya – mengepos surat, WhatsApps, telegram, laman sesawang sekolah
- Ibu bapa dan penjaga mengetahui tarikh – bercuti dan menetapkan masa untuk ke program tersebut – hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- Membuka mata tentang kepentingan program tersebut

ISI 2

- Mempelbagaikan acara semasa program – PIBG juga boleh memainkan peranan penting untuk menyediakan pelbagai acara untuk menarik lebih ramai ibu bapa dan penjaga hadir
- Jika tiada program yang menarik – kurang mendapat perhatian ibu bapa dan penjaga
- Contohnya – mengadakan program lain pada tarikh yang sama seperti hari keusahawanan atau pameran inovatif murid – sambil menyelam minum air
- Aktiviti yang disertai murid dan ibu bapa bagi menarik minat mereka
- Bukan sahaja memeriahkan program tetapi juga merapatkan hubungan para guru dan ibu bapa

ISI 3

- Mengadakan program di tempat yang selesa dan kondusif
- Ibu bapa tiada masalah untuk ke tempat tersebut
- Contohnya – di dewan, di kawasan berbumbung diceriakan dengan kain rentang, poster – sedap mata memandang
- Ibu bapa bersemangat tinggi untuk membincangkan pembangunan dan kemajuan anak secara keseluruhan
- Dianjurkan dengan bersungguh-sungguh – bukan seperti melepaskan batok di tangga

ISI 4

- Mengadakan program dalam jangka masa yang lebih panjang
- Ibu bapa dapat mengambil cuti dan membuat janji temu lebih fleksibel – ringan hati untuk menyertainya
- Contohnya – mengadakan jadual pertemuan yang sesuai bagi kelas-kelas tertentu – mengadakannya pada hari ibu bapa tidak bekerja
- Memudahkan ibu bapa dan pihak sekolah agar tidak tergesa-gesa menamatkan sesi perbincangan
- Dilakukan dengan teliti – semua dapat manfaat melalui persefahaman antara kedua-dua pihak – ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak

PENUTUP

- Semua pihak mempunyai inisiatif menjayakan program – ibarat gunung sama didaki, lurah sama dituruni
- Kerjasama dan penglibatan antara guru dan ibu bapa amat penting dalam memastikan kecemerlangan serta fokus murid berada tepat pada landasannya
- Hari terbuka perlu diadakan saban tahun
- Merupakan peluang terbesar untuk mewujudkan hubungan baik secara langsung antara ibu bapa dan penjaga dengan guru serta pihak sekolah
- Ibu bapa yang melibatkan diri dalam aktiviti di sekolah – mempunyai komunikasi positif dengan sekolah – mempunyai pandangan positif terhadap sekolah

Soalan 2

Kesedaran tentang pentingnya penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid Malaysia harus dititikberatkan oleh kerajaan

PENDAHULUAN

- Tahun 2003, bahasa Inggeris mula digunakan dalam pendidikan – dijadikan bahasa penghantar untuk mata pelajaran sains dan matematik

- Pelaksanaannya dijalankan secara berperingkat-peringkat – biarpun program ini diliputi dengan pelbagai kontroversi namun tindakan kerajaan melaksanakan dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam pendidikan memberi pelbagai kebaikan – bahasa Inggeris banyak mempunyai kelebihan tetapi ada pihak yang menggeleng kepala bahawa bahasa Inggeris ialah bahasa penjajah – bahasa Inggeris haruslah dijadikan sebagai bahasa kedua penting

ISI-ISI

ISI 1

- Bahasa Inggeris merupakan bahasa utama dalam komunikasi antarabangsa
- Dibuktikan apabila jumlah penutur bahasa Inggeris di seantero dunia mengatasi jumlah penutur bahasa utama lain seperti bahasa Perancis, Sepanyol, Arab, dan Rusia
- Contoh – digunakan semasa seseorang berkomunikasi dengan bangsa negara lain ialah bahasa Inggeris
- Memudahkan kita berhubung dengan dunia luar
- Menjamin kelancaran urusan yang melibatkan bangsa negara lain
- Sebaliknya, urusan seseorang akan menempuh pelbagai dugaan sekiranya seseorang itu tidak petah dalam bahasa Inggeris
- Hal ini jelas menampilkan kepentingan bahasa Inggeris

ISI 2

- Membolehkan murid menguasai isi pelajaran
- Kebanyakannya bersumberkan bahasa Inggeris
- Contohnya – beberapa mata pelajaran penting seperti Sains, Matematik, Teknologi Maklumat dan sebagainya menggunakan bahasa Inggeris
- Kegagalan murid menguasai bahasa ini akan melemahkan penguasaan murid dalam mata pelajaran tersebut
- Pepatah Melayu pernah menyebut kalau tidak dipecahkan ruyung, masakan dapat sagunya
- Jika tidak dimulai dari sekarang – murid akan ketinggalan dalam mata pelajaran tersebut
- Justeru, penggunaan bahasa Inggeris perlu dikuasai
- Agar para murid dapat memperoleh ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui kemahiran berbahasa Inggeris

ISI 3

- Mendapat keputusan peperiksaan baik
- Dapat berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di luar negara
- Contohnya – bahasa Inggeris telah diterima sebagai bahasa antarabangsa, kebanyakan universiti teragung di seluruh dunia menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- Institusi pendidikan swasta seperti kebanyakan institusi pendidikan swasta di negara kita juga telah mengimplementasi penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar
- Jika dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik maka peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah lebih cerah
- Oleh yang demikian – bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi perlulah menguasai bahasa Inggeris dengan baik

ISI 4

- Tujuan mendapatkan pekerjaan pada masa depan
- Majikan akan lebih tertarik untuk mengambil pekerja yang mampu berkomunikasi dalam pelbagai bahasa termasuklah berbahasa Inggeris
- Sebagai contohnya – pekerjaan dalam bidang telekomunikasi, penyiaran dan teknologi maklumat memerlukan penggunaan bahasa Inggeris – lebih diminati oleh majikan daripada syarikat-syarikat besar
- Oleh itu – yang mahir berbahasa Inggeris lebih mudah mendapat pekerjaan berbanding dengan mereka yang kurang menguasai bahasa Inggeris
- Mereka yang mahir berbahasa Inggeris biasanya menawarkan pendapatan lebih lumayan
- Jelasnya, bahasa Inggeris amat penting dipelajari di sekolah demi memanfaatkan murid bagi tujuan membina kerjaya pada masa yang akan datang

ISI 5

- Selaras dengan objektif pendidikan yang ingin melahirkan individu yang mampu bersaing dalam dunia global
- Mampu melahirkan individu yang dapat berkomunikasi dengan berkesan dengan individu lain dari seluruh dunia
- Contohnya, kemahiran berbahasa Inggeris amat penting apabila seseorang individu ditugaskan di luar negara atau membawa misi negara di luar negara
- Kegagalan berkomunikasi dengan berkesan menggunakan bahasa Inggeris akan menjejaskan pelbagai peluang baik berupa peluang ekonomi mahupun sosial
- Pendidikan bahasa Inggeris di peringkat sekolah mampu melahirkan individu yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat lain di seluruh dunia

PENUTUP

- Intihanya, bahasa Inggeris merupakan bahasa yang amat perlu dipelajari dan dikuasai oleh semua murid
- Akan lebih berkeyakinan dan mampu merebut peluang yang tersedia
- Namun begitu, biar bagaimana penting sekalipun bahasa Inggeris ini digunakan oleh masyarakat antarabangsa namun penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara amat perlu dipertahankan dan dipertingkatkan martabatnya
- Tidak mahu bahasa rasmi kita pupus akibat kelalaian kita mengagungkan bahasa Inggeris umpama kata pepatah Melayu yang dikejar tak dapat, yang dikendong keciciran

Soalan 3

Punca kesedaran sivik semakin luntur dalam kalangan masyarakat pada hari ini dan cara-cara untuk menerapkan kesedaran tersebut.

PENDAHULUAN

- Takrif kesedaran sivik – rasa sedar yang mendalam dan berterusan serta muncul daripada hati seseorang atas dasar tanggungjawab untuk memelihara hak dan kepentingan awam
- Menjadikan seseorang – ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan kepentingan awam untuk dikongsi bersama
- Masih terdapat dalam kalangan masyarakat kita, individu-individu yang masih tidak menghormati satu sama lain
- “Yang muda disayangi, yang tua dihormati,” tidak dapat kita lihat daripada perlakuan
- Di manakah silapnya sehingga pada zaman negara mengorak langkah ke arah menjadi negara maju pun, fenomena negatif yang memperlihatkan kerendahan kesedaran sivik masyarakat kita masih berleluasa dan dapat kita lihat di mana-mana
- Kita harus meneliti dan mendalami punca permasalahan ini agar langkah yang ampuh dan berkesan dapat dilaksanakan bagi menyuburkan kesedaran sivik ini dalam kalangan masyarakat kita

ISI-ISI

ISI 1: PUNCA

- Segala-galanya bermula dari rumah – daripada keruntuhan institusi kekeluargaan
- Kajian Jabatan Kebajikan Masyarakat mendapati bahawa kadar perceraian dan rumah tangga bermasalah semakin hari semakin meningkat terutama di bandar-bandar besar
- Perceraian memperlihatkan masalah rumah tangga antara suami isteri yang berpunca daripada permusuhan, perkelahian dan kecurangan antara suami isteri
- Akan mempengaruhi pertumbuhan jiwa anak – perasaan marah kepada ibu bapa ini akan mendorong mereka melepaskan kemarahan itu di luar rumah
- Contoh – menconteng tempat menunggu bas atau merosakkan harta benda awam
- Dapat diumpamakan seperti marahkan pijat, kelambu dibakar
- Jelas – menjadi bukti betapa rendahnya kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat
- Jadi, tidak keterlaluan – bahawa salah satu punca kurangnya kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat adalah berpunca daripada kelonggaran dalam institusi rumah tangga

ISI 2

- Semangat patriotik yang rendah
- Anak-anak hari ini kurang dididik agar berbangga menjadi rakyat Malaysia.
- Kurang wujud perasaan sayang akan negara dan berbangga menjadi warganegara
- Contoh – semasa lagu kebangsaan Negaraku berkumandang – berapa ramai antara kita yang berhenti dan berdiri tegak secara sukarela bagi menghormati lagu tersebut?
- Jumlahnya terlalu sedikit – kebanyakan dalam kalangan warga senior yang sedar akan semangat cinta akan negara
- Jika tahap kesedaran dan kecintaan terhadap negara rendah
- Natiujahnya perasaan “Negara Kita Tanggungjawab Kita” juga kurang dalam diri

ISI 3

- Berasa tidak bersalah apabila bertindak melakukan perkara yang melanggar etika sivik
- Wujudnya sikap, ‘aku, aku’ dan ‘engkau, engkau’ dalam diri masyarakat kita
- Contoh – membuang sampah di tempat-tempat yang tidak sepatutnya, seperti ke dalam sungai atau di mana-mana sahaja yang disukai
- Tidak wujud dalam diri mereka perasaan sepunya terhadap harta benda awam
- Sepatutnya, negara kita dan kitalah yang bertanggungjawab atas keharmonian, kesejahteraan serta keindahannya
- Maka – masih menyaksikan perlakuan negatif – tahap kesedaran sivik masyarakat ternyata masih rendah

ISI 4: BONUS ISI

- Wujud golongan yang individualistik dan materialistik
- Meragut semangat kejiranan dan kemesraan dalam masyarakat
- Hidup bak ‘enau dalam belukar, hanya melepaskan pucuk masing-masing’ sudah menjadi kelaziman dalam masyarakat – alasan tidak mahu menjaga tepi kain orang lain
- Natiujahnya – bertindak tanpa mementingkan perasaan dan kebajikan orang lain
- Sibuk dengan kerjaya dan urusan masing-masing
- Saling mengenali dan bertegur sapa antara jiran tidak dapat dipraktikkan
- Jadi, tidak hairanlah jika dikatakan kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat kita semakin berkurang

ISI 5: CARA

- Mata pelajaran Sivik dimasukkan dalam kurikulum sekolah
- Wajib dipelajari oleh semua murid – Sebelum nasi menjadi bubur, sebelum yang bengkok terus menjadi patah – perlu segera dilaksanakan
- Contoh – menerapkan elemen semangat patriotik sebagai sesuatu yang wajib
- Mencontohi sikap masyarakat Jepun – semakin maju, namun, masyarakatnya masih mengekalkan nilai-nilai murni – mengamalkan budaya dan adat resam bangsa mereka
- Tegasnya, dalam usaha menerapkan kesedaran sivik yang tinggi dalam diri masyarakat kita, maka perubahan dalam sistem pendidikan wajib dilaksanakan

ISI 6

- Melalui tindakan tegas dan penguatkuasaan undang-undang
- Ketegasan kerajaan dapat mendidik rakyat
- Sesiapa yang didapati melanggar hak-hak penggunaan harta benda awam perlu terus didenda
- Contoh – Singapura – kagum akan rakyatnya yang begitu patuh akan peraturan serta amat bertanggungjawab terhadap harta benda awam
- Menghentikan tindakan masyarakat yang berkepala batu dan mementingkan diri sendiri
- Melalui pelaksanaan peraturan yang tegas, orang ramai akan sentiasa beringat-ingat
- Izharlah bahawa hukuman atau tindakan yang tegas dan berat dapat menanam kesedaran sivik dalam diri masyarakat kita

ISI 7

- Melalui kempen yang membangkitkan sikap kesedaran sivik
- Dapat membuka mata – memainkan peranan masing-masing untuk membina satu bangsa Malaysia yang berjaya dan mempunyai tahap kesedaran sivik yang tinggi
- Kerana negara kita tanggungjawab kita
- Contoh – kempen menghalang perbuatan vandalisme – menganjurkan program kesedaran sivik dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) serta penglibatan pasukan keselamatan
- Bersama-samalah menjayakan – memupuk sikap saling bekerjasama dan saling bersatu hati agar kemajuan yang diingini tercapai tanpa mengorbankan nilai dan susila bangsa dan agama

PENUTUP

- Walaupun masalah kurangnya kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat kita belum begitu parah, namun, kita perlu berusaha untuk membaikinya
- Usaha memupuk kesedaran sivik dalam masyarakat bukanlah suatu usaha yang mudah
- Memerlukan kerjasama yang erat daripada pelbagai pihak
- Kesedaran sivik perlu diterapkan dalam diri setiap individu khususnya rakyat Malaysia agar menjadi tabiat yang menjadi amalan sepanjang hayat demi kemaslahatan bersama
- Pesanan ahli filsuf Tao – jika kita mahu hidup setahun, tanamlah gandum, jika kita mahu hidup sepuluh tahun tanamlah pokok dan jika kita mahu hidup selama-lamanya tanamlah jiwa manusia
- Jika ingin melihat kesedaran sivik masyarakat kita kukuh, marilah kita bersama-sama menanam jiwa manusia dengan kesedaran sivik tanpa menunggu hari esok
- Hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih

Soalan 4

Usaha-usaha yang boleh saya lakukan bagi memartabatkan permainan tradisional di negara ini.

PENDAHULUAN

- Permainan tradisional – permainan budaya yang sudah diamalkan oleh sesebuah masyarakat untuk satu tempoh yang tertentu sebagai pengisi masa lapang
- Pelbagai jenis permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas
- Mewujudkan interaksi sosial – merapatkan hubungan antara ahli masyarakat – dijalankan dengan meriah seakan-akan pesta keramaian
- Pada zaman pascakemerdekaan ini, arus modenisasi dan globalisasi yang pesat berkembang menyebabkan permainan tradisional – dipandang enteng dan disisihkan
- Persoalannya, apakah peranan yang seharusnya saya mainkan dalam usaha memartabatkan permainan tradisional di negara kita?

ISI-ISI

ISI 1

- Memupuk minat diri sendiri terhadap permainan tradisional
- Remaja kini – terdedah dengan pelbagai pengaruh modenisasi dan perubahan
- Menganggap permainan tradisional telah lapuk dan ketinggalan zaman
- Sebagai generasi muda, saya harus sedar bahawa saya berperanan memartabatkan permainan tradisional
- Contoh – mencari informasi berkaitan dengan permainan tradisional – membuat buku skrap – agar dapat memahami dengan lebih jelas setiap permainan tradisional yang ada di negara kita
- Memasukkan dalam laman sesawang pelbagai maklumat tentang permainan tradisional
- Secara tidak langsung, wujud kesedaran dalam diri sendiri untuk memartabatkan permainan tradisional di negara ini bagi menyaingi permainan moden yang semakin popular dalam kalangan remaja

ISI 2

- Menjadikan permainan tradisional sebagai pengisi masa lapang
- Dengan rakan-rakan sebaya pada waktu petang atau pada masa cuti sekolah
- Meminta tunjuk ajar daripada golongan yang lebih tua tentang cara-cara bermain

- Memainkannya bersama rakan-rakan
- Bukan sahaja dapat memartabatkan permainan tradisional – dapat memupuk semangat setia kawan dan kerjasama sesama rakan
- Mengelakkan diri saya sebagai remaja daripada terjebak dengan pelbagai gejala negatif – daripada melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah
- Jelaslah – mendatangkan banyak kebaikan kepada generasi muda masa ini

ISI 3

- Menanamkan semangat cinta akan budaya terutama permainan tradisional
- Permainan tradisional merupakan budaya masyarakat Malaysia sejak dahulu
- Perlu diteruskan dan dipelihara agar dikenali oleh generasi akan datang
- Perlu dipupuk dan ditanam dalam diri sejak kecil sesuai dengan peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebungnya
- Tidak akan segan silu mempertahankan dan memartabatkan permainan tradisional – alah bisa tegal biasa kerana sesuatu yang sukar pada awalnya akan menjadi mudah dan biasa jika selalu dilakukan dan diamalkan
- Generasi muda yang berazam menanamkan sikap sayang dan cinta akan budaya masyarakat ini, maka sudah pasti permainan tradisional tetap terpelihara
- Kecintaan terhadap permainan tradisional akan memupuk juga rasa cinta terhadap negara

ISI 4

- Harulah berani mengesyorkan kepada pihak sekolah agar permainan tradisional menjadi salah satu aktiviti semasa perjumpaan kokurikulum
- Menulis surat – memohon memasukkan permainan tradisional menerusi persatuan
- Menjadi sebahagian daripada aktiviti kokurikulum di sekolah
- Secara tidak langsung akan memperkenalkan permainan tradisional kepada semua murid
- Contoh permainan – pertandingan membuat wau, pertandingan bermain congkak
- Dapat menarik minat murid dan permainan tradisional dapat dipelihara
- Ibarat kata pepatah, tak kenal maka tak cinta amat bertepatan
- Jika diperkenalkan, sudah pastilah minat terhadapnya akan tertanam secara semula jadi
- Perlu berani membuat perubahan ke arah memartabatkan permainan tradisional

ISI 5

- Mengadakan pesta permainan tradisional di peringkat sekolah – sebagai contohnya, permainan wau dan layang-layang
- Murid pelbagai kaum menyertainya – dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang permainan tradisional yang hampir tenggelam oleh peredaran zaman
- Mengundang wartawan untuk menyebarkan berita tentang program tersebut
- Membuat video untuk disebarluaskan – dapat memperluas permainan tradisional negara Malaysia sehingga ke peringkat antarabangsa
- Dapat membuka mata bahawa permainan tradisional juga dapat dibawa ke peringkat antarabangsa dan mendapat perhatian di mata dunia
- Rakyat pula mampu menyelami dan mempelajari permainan tradisional dengan lebih mendalam
- Dengan cara ini – tidak akan mudah terhakis pada zaman akan datang

PENUTUP

- Kesimpulannya – hendaklah berusaha mempopularkan permainan tradisional
- Permainan tersebut terus terpelihara dan mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia umumnya dan generasi muda khususnya
- Golongan muda perlu berganding bahu dan meminta bantuan golongan yang lebih tua agar permainan tradisional terus dimartabatkan dan diketengahkan dalam pelbagai situasi dan aktiviti
- Saling bekerjasama sebelum nasi menjadi bubur
- Perlu dipelihara dan dikekalkan di negara ini dengan menggunakan pelbagai pendekatan sesuai dengan peribahasa di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

KERTAS 2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA [35 markah]

Soalan 1

Kata Nama Terbitan

- i. kesihatan
Maksudnya, keadaan atau perihal sihat; kesegaran.
Ayat contoh: Kita hendaklah sentiasa menjaga kesihatan kita agar kita hidup sejahtera.
- ii. latihan
Maksudnya, pelajaran atau didikan untuk memahirkan (membiasakan), ajaran yang diterima
Ayat contoh: Jururawat telah menerima latihan yang cukup untuk meningkatkan kualiti jagaan perawatan kesihatan.
- iii. pembimbing
Maksudnya; (a) orang yang membimbing; penuntun.
(b) sesuatu yang digunakan untuk membimbing (seperti buku-buku yang tertentu)
Ayat contoh: Ustaz Amir telah lama menjadi pembimbing untuk memberikan panduan dan tunjuk ajar tentang agama Islam kepada para ahli dalam Pertubuhan Muafakat Muslim.
- iv. perubahan
Maksudnya, perihal berubah, peralihan, pertukaran
Ayat contoh: Dalam jangka waktu tiga bulan ini, banyak perubahan telah dilakukan dalam bahagian pengeluaran untuk mempertingkatkan produktiviti syarikat ini.
- v. pengetahuan
Maksudnya, (a) perihal mengetahui, apa-apa yang diketahui
(b) perihal tahu, kepandaian, kebijakan:
(c) segala yang (akan) diketahui atau dipelajari berkenaan sesuatu.
Ayat contoh: Kita patut menguasai ilmu pengetahuan yang meliputi semua aspek di dunia termasuklah bidang ekonomi, teknologi, keagamaan dan sejarah.
- vi. amalan
Maksudnya; (a) perihal sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan, ...) sebagai suatu kebiasaan;
(b) perbuatan baik, kebajikan
Ayat contoh: Banyak amalan baik yang dapat kita lakukan seperti amalan menjaga kebersihan dan amalan pemakanan seimbang tetapi masih banyak antara kita yang mengabaikannya.

Soalan 2

- i. **Ayat aktif:** Pihak kami akan memastikan tindakan ini tercapai matlamatnya.
Ayat pasif: Tindakan ini akan pihak kami pastikan tercapai matlamatnya.
- ii. **Ayat aktif:** Kebanyakan murid menganggap aktiviti kokurikulum di sekolah ini sebagai tidak menarik minat mereka.
Ayat pasif: (a) Aktiviti kokurikulum di sekolah ini dianggap oleh kebanyakan murid sebagai tidak menarik minat mereka.
(b) Aktiviti kokurikulum di sekolah ini dianggap tidak menarik minat mereka oleh kebanyakan murid.
- iii. **Ayat aktif:** Kita mestilah memastikan setiap aktiviti kokurikulum itu benar-benar dapat mendatangkan manfaat kepada semua murid di sekolah ini.
Ayat pasif: Aktiviti kokurikulum itu mestilah kita pastikan benar-benar dapat mendatangkan manfaat kepada semua murid di sekolah ini.

Soalan 3**Bahan 1**

	Salah	Betul
i.	insentif	inisiatif
ii.	dari sektor swasta	daripada sektor swasta
iii.	demi untuk	untuk
iv.	pasukan himpunan	kategori
v.	bahagian pada	sebahagian daripada
vi.	Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional akan kerajaan laksanakan	Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional akan dilaksanakan oleh kerajaan

Bahan 2

	Salah	Betul
i.	di bawah	bawah
ii.	para-para belia	para belia
iii.	keboleh-pasaran	kebolehpasaran
iv.	graduasi	graduan
v.	yang mana	mana-mana /apa-apa sahaja

Soalan 4**CADANGAN KRITERIA PENSKORAN**

Bil	Markah	Kriteria
1	Cemerlang (5 – 6)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Struktur ayat mengikut petikan. 2. Mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3. Mengekalkan bahasa istana jika berkenaan. 4. Tanda baca dalam setiap ayat dikekalkan. 5. Penggunaan kata yang tepat dan gramatis.
2	Baik (3 – 4)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Struktur ayat masih mengikut petikan. 2. Masih mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3. Masih mengekalkan bahasa istana 4. Tanda baca dalam setiap ayat masih dikekalkan 5. Penggunaan kata yang masih tepat dan gramatis
3	Lemah (1 – 2)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sebahagian besar struktur ayat dalam petikan tidak dikekalkan. 2. Sebahagian besar maksud dalam ayat tidak dikekalkan. 3. Sebahagian besar laras bahasa istana tidak dikekalkan. 4. Sebahagian besar tanda baca dalam setiap ayat tidak dikekalkan 5. Banyak kesalahan penggunaan kata dan bahasa tidak gramatis

Semua pemilik barang yang dicuri itu berkumpul untuk menuntut barang kepunyaan masing-masing. Seorang daripada mereka mengatakan bahawa itu hartanya. Seorang lagi mengatakan bahawa itu hartanya, manakala seorang lagi memberitahu bahawa benda itu miliknya. Seorang pula mengatakan bahawa itu bantalnya. Setelah semua barang dituntut oleh pemiliknya, sultan telah menitahkan mereka untuk membahagikan barangan mereka kepada tiga bahagian. Pemilik barang mengambil satu bahagian dan dua bahagian pula diberikan kepada Laksamana dengan alasan Laksamana yang menemui barang-barang yang sudah hilang itu.

Atau

Semua orang yang kehilangan barang berhimpun di kawasan istana untuk mengenal pasti barang kepunyaan masing-masing. Kata seorang pemilik, “Ini harta patik, tuanku.” Kata seorang yang lain, “Ini pun harta patik, tuanku.” Kata seorang daripada mereka, “Ini bantal patik, tuanku.” Setelah semua barang dituntut oleh pemiliknya, raja bertitah, “Kamu sekalian hendaklah membahagikan barangan itu kepada tiga bahagian, iaitu dua bahagian diberikan kepada Laksamana, sementara pemilik barang mengambil satu bahagian kerana Laksamana yang menemui barang-barang yang hilang itu.”

Soalan 5

	Peribahasa	Maksud
i.	Seperti baung di bawah bangkar	– Sungutan yang didengar daripada orang tidak diketahui – Bunyi orang bersungut tetapi tidak jelas hujung pangkalnya
ii.	Usaha tangga kejayaan	Seseorang itu perlu berusaha dengan gigih untuk menempa kecemerlangan
iii.	Jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagu	Tidak akan tercapai cita-cita dengan tidak berusaha kuat
iv.	Suri teladan	Contoh yang baik, model
v.	Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	Jika ada azam dan kemahuan untuk mencapai sesuatu maksud, tentu kita akan sedaya upaya mencari jalannya
vi.	Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	Tiada apa-apa yang mustahil bagi orang yang mempunyai tekad atau semangat untuk berjaya

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN [35 markah]

Soalan 6

i.	<i>Biar lambat laga asalkan menang</i>	– Mengerjakan sesuatu biarlah lambat asalkan maksud tercapai [2 markah]
ii.	Persamaan matlamat dan perbezaan program yang dilaksanakan oleh kerajaan	Persamaan matlamat Bahan 1 dan Bahan 2 Menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang tahun 2030 Perbezaan matlamat: Bahan 1 Menarik lebih ramai masyarakat mencintai dunia pembacaan dan membugarkan pembudayaan membaca. Bahan 2 Membentuk bangsa Malaysia berilmu bertaraf dunia menjelang 2030 [3 markah]
iii.	Punca-punca yang menyebabkan generasi muda tidak cenderung membaca	– Sikap malas – menganggap membaca sebagai satu aktiviti yang tidak menyeronokkan dan membosankan – Sikap keluarga – tiada teguran ibu bapa terhadap sikap anak yang kurang membaca – Ibu bapa sendiri tidak mengamalkan budaya membaca ketika berada di rumah – Lebih minat menonton televisyen – menonton rancangan hiburan yang kurang berfaedah kepada murid – Pengaruh rakan sebaya – berkawan dengan rakan yang kurang membaca – Lebih suka menghabiskan masa lapang dengan melepak atau melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah – Menghabiskan masa lapang mereka dengan bermain [3 markah]

iv. Langkah menggalakkan anak-anak mencintai amalan membaca	<ul style="list-style-type: none"> – Menyediakan bilik / sudut bacaan – Membudayakan amalan membaca di rumah – Berkunjung ke perpustakaan / kedai buku – Menjadi ahli kelab membaca / perpustakaan – Membaca cerita, artikel, berita, rencana dalam talian – Menambah kepelbagaian bahan bacaan di rumah 	[Maksimum 4 markah]
---	--	---------------------

Soalan 7

i. Harapan penyajak dalam rangkap lima	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa kebangsaan akan terus berkembang di peringkat antarabangsa • Digunakan sebagai bahasa ilmu • Menjadi bahasa yang melambangkan kesopanan bangsa Melayu 	[2 markah]
ii. Persamaan persoalan Bahan 1 dan Bahan 2	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa menggambarkan maruah • Bahasa menunjukkan jati diri bangsa • Bahasa Melayu dipenuhi ciri tatasusila dan budi bahasa yang tinggi 	2 m isi + 1 m bahasa [3 markah]
iii. Cara membentuk jati diri yang kukuh	<ul style="list-style-type: none"> • Para remaja perlulah mengetahui dan menyayangi budaya masing-masing • Mempraktikkan amalan dan warisan turun-temurun • Menghindarkan diri daripada terpengaruh oleh budaya luar • Memperkukuh ilmu agama • Menerapkan semangat cinta akan negara 	[4 markah]
iv. Persiapan-persiapan yang perlu anda lakukan jika ingin belajar dan hidup di perantauan	<ul style="list-style-type: none"> • Berhubung dengan kawan, kenalan atau saudara-mara yang berada di tempat tersebut • Mendapatkan maklumat tentang tempat tersebut • Mencari tempat tinggal yang sesuai. • Menyediakan wang yang mencukupi. • Menguasai pelbagai bahasa agar mudah berkomunikasi dengan masyarakat setempat. • Mendapatkan maklumat tentang budaya tempat tersebut. • Mencari kawan baharu. • Membiasakan diri hidup berdikari. • Belajar berbelanja secara berhemat • Bijak merancang kewangan. 	[4 markah]

Soalan 8

- i. **Pandangan Waheeda terhadap kecantikan**
- Kecantikan ialah naluri semesta
 - Kecantikan suatu kekuasaan yang boleh membuka pintu yang tertutup
 - Kecantikan ialah ruang dan peluang membina keterampilan diri
- ii. Novel yang saya kaji ialah novel ...
Bahagian permulaan sesebuah novel amat penting kepada pembaca untuk meneruskan pembacaan.

Dua peristiwa pada permulaan cerita yang dapat menarik perhatian saya adalah ...

(a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib*

Peristiwa menarik pertama pada bahagian permulaan dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* ialah peristiwa Pak Saidi memberikan pendidikan agama, seni mempertahankan diri dan pendidikan formal kepada

ketiga-tiga orang anaknya. Beliau mengajar anak-anaknya mengaji al-Quran pada setiap malam. Alasan peristiwa ini dikatakan menarik kerana peristiwa ini menunjukkan bahawa seorang bapa yang bertanggungjawab terhadap anak dalam pelajaran. Peristiwa menarik kedua ialah peristiwa Pak Saidi menghantar Adnan belajar di sekolah Inggeris walaupun dipandang serong oleh penduduk Kampung Sungai Ramal. Alasan peristiwa ini dikatakan menarik kerana peristiwa ini menggambarkan seorang bapa yang berpandangan jauh tentang kepentingan pendidikan untuk anak-anak.

Pada permulaan novel memaparkan semangat kepahlawanan yang tinggi dalam diri seorang anak yang masih kecil. Contohnya, Adnan meminta bapanya Pak Saidi mengajarnya ilmu persilatan kerana dia bercita-cita untuk menjadi seorang pahlawan. Dia juga sering bermain perang olok-olok dan biasanya akan menang kerana Adnan tidak mahu mengalah.

Selain itu, permulaan novel ini juga memaparkan remaja yang menjadikan Hang Tuah sebagai idola. Contohnya, Adnan sering bermimpi perkara yang aneh sejak kecil dan sering membayangkan dirinya sebagai Hang Tuah. Adnan bermimpi menjadi adiwira sebagai Hang Tuah dan dapat menyelamatkan Kampung Sungai Ramal Dalam bersama-sama empat orang sahabatnya. Peristiwa-peristiwa ini dianggap menarik kerana Adnan digambarkan seorang yang berani dan mempunyai cita-cita yang besar untuk mempertahankan maruah bangsa dan negara.

(b) *Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor*

Pada permulaan novel penulis menggambarkan seorang watak yang bijak semasa menjalankan tugas dan kecanggihan kajian sains yang mendalam sehingga mampu mengesan DNA seseorang. Contohnya, Aqram berpura-pura tidur di dalam kapal terbang dan telah mengambil cawan kecil yang digunakan oleh Farisha untuk menguji kesan air liur yang melekat pada cawan. Kajian yang dibuat oleh Dr Maxi mendapati Farisha dikatakan individu yang dicari dan mampu menyelamatkan sistem Dinara.

Selain itu, peristiwa yang menunjukkan bahawa pengarang telah menunjukkan sebatang pen kecil yang mampu menembusi minda manusia untuk mengambil maklumat di dalam minda manusia. Contohnya, Farisha mencatat alamat dengan menggunakan sebatang pen yang diberi oleh Aqram. Farisha telah melengkapkan pen berkenaan dengan penetrator untuk menerobos ruang minda Farisha. Hal ini menyebabkan Farisha sakit kepala.

Lain daripada itu, peristiwa Karl menjadikan Farisha sebagai bahan uji kaji. Karl telah bertindak dengan menanam pelbagai implan di dalam badan Farisha untuk menjadi Farisha seorang yang genius. Walau bagaimanapun, tindakan Karl mendapat tentangan Medina, ibu Farisha dengan menyatakan Karl sebagai saintis gila. Peristiwa ini dianggap menarik kerana kebijaksanaan Karl berjaya memperlihatkan kemajuan dan kecanggihan sains dan teknologi dalam kehidupan manusia.

(c) *Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin*

Peristiwa ibu Lili menyuruh Lili menghabiskan cutinya di kampung. Peristiwa ini menarik kerana membuatkan saya ingin mengetahui sama ada Lili mematuhi perintah ibunya atau tidak.

Peristiwa Lili membantu Geetha yang dalam keadaan kelam kabut semasa di dalam bas. Peristiwa ini menarik kerana membuatkan saya ingin mengetahui hubungan mereka berterusan atau tidak.

(d) *Pantai Kasih karya Azmah Nordin*

Peristiwa yang menarik minat saya ialah semasa Dr Raiha bersimpati dengan nasib Unong Siron yang telah dibedah oleh Dr Uwang sebanyak lima kali tetapi masih belum sembuh. Peristiwa ini menarik minat saya untuk mengetahui sebab Unong Siron terpaksa menjalani pembedahan tulang sendi pinggul sebanyak lima kali tetapi masih belum sembuh. Saya juga ingin mengetahui nasib Unong Siron sama ada akan sembuh atau tidak pada penghujung cerita novel ini.

Peristiwa yang menarik minat saya pada bahagian permulaan novel ini juga memaparkan peristiwa Felicia Landosi yang menyelinap ruang farmasi Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) untuk mengambil ubat batuk dan meminumnya. Peristiwa ini menarik minat saya untuk mengetahui tujuan Felicia Landosi minum ubat batuk bagi menghilangkan tekanan yang dihadapinya. Saya ingin mengetahui punca tekanan yang dialami oleh Felicia Landosi sehingga mengambil jalan singkat untuk mengatasi masalah tersebut dengan minum ubat batuk.

(e) *Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip*

...peristiwa ibu Dahlia yang bersikap pelik sejak beberapa hari seperti bercakap sendirian di bawah pokok getah dan merayau tidak tentu arah apabila menjelangnya waktu senja. Peristiwa itu menarik minat saya untuk meneruskan pembacaan kerana saya ingin mengetahui punca keadaan ibu Dahlia menjadi sedemikian dan nasib ibu Dahlia selanjutnya.

...hubungan antara Azhari dengan Dahlia yang digambarkan sebagai pasangan bercinta. Peristiwa itu menarik minat saya untuk meneruskan pembacaan kerana saya ingin mengetahui kesudahan hubungan antara mereka berdua.

(f) *Tirani karya Beb Sabariah*

Peristiwa pertama berkisar di homestay seorang watak wanita. Contohnya, Waheeda sedang melayari laman sesawang tentang kecantikan diri seorang wanita yang merupakan sinonim dengan sifatnya yang terlalu obses dengan kecantikan. Lalu Waheeda teringat akan hidungnya yang kemik yang menjadi ejekan kepada kawan-kawannya seperti Si Nuar, Si Man dan Mat Gusi. Hatinya sentiasa memberontak dengan keadaan itu. Atas nasihat ibunya, Raidah dan kawannya Nasuha serta Ustazah Ruqaiyah perasaan benci dan bergelora terhadap kawan-kawannya dapat diredakan.

Peristiwa seterusnya menggambarkan kegigihan watak utama menjadi pengurus Syarikat Tajau Emas bersama dengan keluarga untuk memajukan perniagaannya. Contohnya, di perkarangan homestaynya suasana agak riuh dan sibuk telah mematikan lamunan Waheeda. Keriuhan itu menggambarkan kesibukan dan persediaan yang sedang dilakukan oleh pekerja homestay iaitu Fatimah, Babu Saiyidah, Liya dan Nani untuk menyambut kedatangan pelancong Inggeris. Satu daripada keistimewaan homestay ini adalah dengan menyediakan makanan asli masyarakat Dayak Sarawak seperti pansuh ayam dan bubur pedas, pansuh manok dan udang galah gulai tempoyak iaitu masakan asli Sarawak. Selain makanan dan tempat tinggal, pengurusan homestay Waheeda menyediakan pengalaman pergi ke dusun buah-buahan di Matang dan juga pengalaman urutan kaki di kolam ikan kap. Selain itu, pelancong juga diberi penerangan tentang sejarah tempatan di situ. Waheeda terus menyiapkan tugasannya untuk memajukan homestay itu lagi.

(g) *Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop*

Peristiwa yang menarik minat saya ialah peristiwa sekumpulan kanak-kanak dari Sekolah rendah Kichihimahigashi, Hiroshima Jepun duduk di kerusi di atas platform melengkung mengelilingi kubah balai cerap yang terletak di lereng Bukit Melawati, Kuala Selangor. Kanak-kanak ini kecewa kerana tidak dapat melihat bintang-bintang di langit semasa lawatan tersebut. Peristiwa ini menarik minat saya kerana saya ingin mengetahui sebab kanak-kanak dari jepun tersebut tidak dapat melihat bintang-bintang di langit apabila mencerap di balai Cerap Sultan Salahuddin sedangkan Kuala Selangor terkenal dengan bintang-bintang yang dapat dilihat melalui balai cerap tersebut.

Peristiwa lain yang terdapat pada bahagian permulaan novel ini juga ialah peristiwa semasa Nurul Hafsa yang bekerja sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin berjanji kepada kanak-kanak dari Jepun yang kecewa tidak dapat melihat bintang-bintang di langit. Nurul Hafsa berjanji untuk mengembalikan semula kegelapan langit di Kuala Selangor agar bintang-bintang dapat dilihat semula. Peristiwa pada peringkat permulaan ini menarik minat kerana saya ingin mengetahui cara yang akan dilakukan oleh Nurul Hafsa yang berjanji untuk mengembalikan semula kegelapan langit di Kuala Selangor. Saya juga ingin mengetahui sama ada cara tersebut berjaya atau tidak dalam usaha Nurul Hafsa melestarikan alam sekitar.

(h) *Silir Daksina karya Nizar Parman*

Peristiwa Haiqal begitu teruja membaca manuskrip berkulit biru muda yang setebal 58 muka surat. Hatinya tersentuh dengan cerita yang ditulis oleh penulisnya Abdullah Kayan, nama yang pernah disebut uminya. Adakala Haiqal berasa dia seperti berada dalam alam Abdullah Kayan. Fikiran Haiqal menerawang pada masa usianya 6 tahun, masih di sekolah tadika.

Peristiwa Uminya membuka rahsia tentang dirinya bahawa ayahnya bukan walid. Haiqal bertanya tentang ayahnya. Uminya memberitahu ayahnya berada jauh dari tempat tinggal mereka. Rahsia sejarah hidup ini menghantui dirinya. Peristiwa ini menarik kerana saya ingin mengetahui tindakan yang akan dilakukan oleh Haiqal untuk mencari ayahnya Abdullah Kayan yang telah lama terpisah dengannya.

Pada bahagian permulaan novel ini, pengarang menceritakan Haiqal Haqimi menerima sebuah manuskrip lama. Alamat pengirim manuskrip tersebut sama dengan alamat tempat lahirnya. Pengirimnya pula berbangsa

Cina iaitu Ong See Hwa. Haikal merahsiakan manuskrip lama itu daripada pengetahuan ibunya. Haikal hanya menceritakannya kepada teman baiknya iaitu Ratna.

Pada bahagian ini juga pengarang menceritakan bahawa Haikal amat tertarik dengan kisah dalam manuskrip tersebut. Dia merasakan cerita dalam manuskrip itu ialah kisah benar mengenai ayah kandungnya iaitu Abdullah Bin Mayan.

Selain itu, pada bahagian permulaan juga terdapat peristilwa Haikal teringat peristiwa semasa dia berumur enam tahun iaitu ibunya memberitahu bahawa Abdul Fatah yang selama ini dipanggil walid oleh Haiqal ialah bapa tirinya. Menurut ibunya ayah kandung Haiqal masih ada tetapi tinggal jauh daripada mereka. Ibunya menyatakan bahawa Haiqal akan mengetahui semua perkara mengenainya apabila dewasa nanti.

Soalan 9

BAHAGIAN C : RUMUSAN [30 markah]

Nota : Isi

- i. Panduan mengira perkataan: Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - Nama khas
 - Perkataan berulang
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana
 - Peribahasa slogan
- ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- v. Rumusan mesti mengandungi 1 isi pendahuluan, 8 isi tersurat dan 1 isi kesimpulan
- vi. 8 isi tersurat mesti mengambil dari setiap bahan dan setiap fokus.
- vii. Isi rumusan mesti menyentuh semua bahan dan semua fokus.

Agihan markah isi

Bahagian	Isi	Jumlah isi yang dikira	Markah
(i) Pendahuluan	1	1	2
(ii) Isi			
Fokus 1 – Bahan 1	6	6 6 5 5 4 4 4 3 3 3 2 2 2 1 1 1	16
Fokus 2 – Bahan 1	3	1 1 2 1 2 3 1 2 3 1 2 3 1 2 3	
Bahan 2	6	1 2 1 3 2 1 4 3 2 5 4 3 6 5 4	
Jumlah isi		8	
(iii) Kesimpulan	1	1	2
Jumlah		10	20

PENDAHULUAN

Fokus 1 – Peranan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran

Fokus 2 – Faedah penggunaan komputer dalam PdPR

Bahasa – 10 m

Cemerlang	8 – 10
Baik	5 – 7
Sederhana	3 – 4
Lemah	1 – 1

PENDAHULUAN

Fokus 1 – Kebaikan penggunaan Internet

Fokus 2 – Keburukan penggunaan Internet dalam kalangan murid

ISI-ISI

Bahan 1

Kebaikan Penggunaan Internet

- Mengayakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran
- Memperkembang dan memperkaya tajuk yang dipelajari
- Memperbaiki kualiti sesuatu pembelajaran
- Mendapatkan bahan dan maklumat terkini
- Tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya pada guru
- Dapat memasuki bilik perbincangan untuk mengikuti perbincangan tentang sesuatu isu

Keburukan Penggunaan Internet

- Memasuki laman web yang tidak berfaedah
- Lalai bermain permainan komputer
- Membuang masa memasuki ruangan bual Internet untuk bersembang-sembang tentang perkara yang tidak berfaedah
- Mewujudkan permasalahan sosial
- Berlaku jenayah siber

Bahan 2

Kebaikan Penggunaan Internet

- Mendapatkan maklumat
- Digunakan sebagai alat komunikasi
- Menjimatkan kos dan masa
- Mengetahui berita terkini
- Pendidikan dalam talian

Keburukan Penggunaan Internet

- Ketidaktepatan maklumat
- Bahan-bahan yang tidak bermoral
- Isu keselamatan
- Pembaziran masa
- Terdedah kepada *Virus / Malware/ Worm/ Trojan*

PENUTUP

Kesimpulannya,

[Cadangan] Setiap pelajar perlu bijak mengaplikasi penggunaan Internet

[Harapan] Agar menjadi seseorang yang berilmu pengetahuan dalam apa-apa jua bidang

KERTAS 1

BAHAGIAN A [30 markah]

Format: Surat kiriman rasmi (Aduan)

FORMAT SURAT RASMI

Lot 10, Jalan Tiung
Taman Indera,
34000 Teluk Intan,
Perak.

1 Alamat pengirim

Guru Tingkatan 4 Bijak,
Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Indera,
Jalan Besar,
34000. Teluk Intan,
Perak.

2 Jawatan dan alamat penerima

Tarikh **3** → 3 Mac 2022

Puan, **4** Kata menghadap

Tidak Dapat Hadir Ke Sekolah Pada 1 April 2022 **5** Perkara

Merujuk perkara di atas, saya _____

6 Isi kandungan

2. _____

3. _____

Sekian, terima kasih.

Yang benar, **7** Pengakuan pengirim

8 Tandatangan pengirim

(Ahmad Ali) **9** Nama pengirim

Aduan tentang tahap kebersihan pasar awam yang tidak memuaskan penduduk setempat.

PENDAHULUAN

- Menghadapkan surat kepada pihak yang berkuasa

ISI 1

- Memperkenalkan diri sebagai wakil penduduk kepada pihak berkenaan (Majlis Perbandaran Seri Aman)
- Tujuan – aduan tentang tahap kebersihan di kawasan pasar awam
- Menimbulkan rasa tidak puas hati

ISI 2

- Longkang tersumbat – air bertakung – nyamuk membiak – membahayakan penduduk – demam denggi
- Telah disuarakan kepada pengerusi persatuan peniaga pasar awam – tidak diendahkan – bagai mencurahkan air di daun keladi

ISI 3

- Sampah bertimbun – banyak lalat – berbau busuk
- Mohon pemantau pihak majlis perbandaran – memberikan notis amaran / saman

ISI 4

- Mencadangkan diadakan program / kempen kebersihan – poster dan papan tanda amalan menjaga kebersihan – program bergotong-royong

ISI 5

- Cadangan – tindakan tegas – diambil dengan segera
- Harapan – bersih di persekitaran kawasan pasar awam

PENUTUP

- Semoga aduan ini ditimbangkan dengan teliti – demi kesejahteraan dan kemaslahatan semua pihak Yang menjalankan tugas,
(Nama – Huruf besar)
(Tandatangan)

BAHAGIAN B [70 markah]

Soalan 1

Keperluan Internet kepada murid

PENDAHULUAN

- Penggunaan Internet kini semakin penting kepada murid, terutama selepas dilanda COVID-19 – pihak Kementerian Pendidikan Malaysia – mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR)
- Pelengkap sesi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)
- Memberikan banyak manfaat kepada murid
- Persoalannya, apakah kepentingan Internet kepada murid?

ISI-ISI

ISI 1

- Rangkaian maklumat yang terbesar di dunia
- Memberikan kebaikan kepada semua peringkat dalam pendidikan
- Contohnya – kajian Pengguna Internet MCMC 2016 – murid ialah golongan yang menghabiskan paling banyak masa dalam talian, iaitu sebanyak 20.9 jam seminggu.
- Murid saling bertukar maklumat dan pengetahuan kerana wujudnya ‘Dunia Tanpa Sempadan’.
- Sudah terang lagi bersuluh, kebaikan Internet terhadap murid adalah dapat membantu mencari maklumat – banyak maklumat tambahan yang terkini untuk menyiapkan tugasan
- Tidak akan menjadi seperti katak di bawah tempurung

ISI 2

- Maklumat yang pantas diperolehi
- Melalui pelbagai rujukan memudahkan murid mendapatkan maklumat yang dikehendaki
- Contohnya melalui aplikasi GOOGLE – mencari bahan untuk menyiapkan tugas mata pelajaran seperti Geografi, Sejarah dan lain-lain
- Menarik minat murid untuk membuat kajian – kerana maklumat di hujung jari
- Murid berpengetahuan luas dan berdaya intelektual – duduk sama rendah, berdiri sama tinggi – negara kita akan mencapai kemajuan setanding dengan negara lain seperti Jepun, Korea dan Amerika Syarikat

ISI 3

- Kemas kini tugas pembelajaran sentiasa dikemas kini dengan lebih kerap dan berkesan berbanding kelas biasa
- Dapat menyimpan maklumat dengan lebih lama
- Boleh menghadiri kelas pada waktu mereka sendiri tanpa perlu terikat dengan jadual waktu yang ketat
- Menarik minat untuk belajar biarpun tanpa kehadiran guru – melalui pembacaan maya
- Merupakan jendela maklumat – menjadikan murid lebih matang – menyampaikan maklumat yang bernas

ISI 4

- Perbincangan dalam talian lebih mudah
- Pembelajaran jarak jauh – semasa perintah pergerakan
- Tanpa bersemuka – masih dapat menyalurkan pelbagai maklumat yang bermanfaat
- Kelas yang lebih pendek berbanding kelas biasa – murid boleh menghabiskan satu modul dalam satu-satu kelas dan pada waktu yang ditetapkan oleh mereka – hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- Internet berkesan terutama memastikan setiap bahan dibentangkan dengan cara yang sama dan tepat
- Melalui perbincangan dalam talian – mempertingkatkan daya pemikiran

ISI 5

- Mengeratkan hubungan silaturahim apabila melayari Internet
- Contohnya – penggunaan Facebook, Instagram, dan Twitter – digunakan sebagai medium untuk mencari rakan lama yang terpisah dan kembali berhubung semula dengan mereka serta menyimpulkan silaturahim
- Tinggal di sekolah berasrama mampu berhubung dengan keluarga dan tidak menjadikan jarak beribu batu sebagai alasan untuk merenggangkan hubungan yang sudah kukuh bagai isi dengan kuku
- Jelaslah, Internet menjadi jambatan untuk mengeratkan hubungan persahabatan dan kekeluargaan

PENUTUP

- Internet – seribu satu kebaikan – bijak menggunakannya – ibu bapa ibarat kunci yang mengawal penggunaan Internet – menghadkan masa melayari Internet
- Penggunaan Internet secara tidak terkawal memberikan seribu satu implikasi negatif
- Tidak mendedahkan maklumat diri dengan sewenang-wenangnya kerana kadar jenayah di Internet telah meningkat sejak akhir-akhir ini.
- Harapan – perahu sudah di air, dayung sudah di tangan – keperluan yang diinginkan sudah disediakan dan dalam keadaan bersiap sedia – menggunakannya dengan cara berhemah

Soalan 2

Usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menarik minat generasi muda untuk menceburi sektor pertanian.

PENDAHULUAN

- Pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan terutama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia agar sektor pertanian dijadikan salah satu daripada penjana pendapatan yang lumayan serta saluran terbaik untuk menyelesaikan masalah pengangguran
- Sering kali dianggap remeh oleh golongan muda – tidak mengeluarkan pendapatan yang besar
- Suatu bidang pekerjaan yang meletihkan – terlalu banyak risiko – memegang prinsip kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai
- Kerajaan perlu menjanakan usaha – menarik golongan muda menceburkan diri dalam bidang pertanian
- Persoalannya – usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menarik minat?

ISI-ISI

ISI 1

- Menyediakan kemudahan pinjaman – modal
- Bank menyediakan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah untuk pekebun kecil membantu menjalankan aktiviti pertanian – membeli mesin yang canggih dan bahan racun serangga serta baja kimia untuk menjalankan pertanian
- Contohnya, Bank Agro – menawarkan Modal Usahawan 1 Malaysia – bagi mengusahakan industri kecil dan sederhana (IKS) yang berasaskan pertanian
- Bak kata peribahasa, “ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras,”
- Melalui pinjaman modal – dapat mengusahakan pertanian atau penternakan secara komersial dan saintifik

ISI 2

- Mengembangkan agropelancongan dalam sektor pertanian
- Memperkasakan kemudahan yang tersedia dalam ladang mereka untuk memajukan sektor pelancongan
- Menjamin pendapatan yang lumayan
- Contohnya – menyediakan penginapan – selesa kepada pelancong – aktiviti pertanian dan menghayati penghidupan kaum petani – pelancong menikmati buah-buahan tempatan – menikmati lauk ala kampung, bercucuk tanam – melegakan fikiran yang kusut
- Bagai menyelam sambil minum air – perlu mendapat sokongan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia
- Menyenaraikan pengusaha agropelancongan dan memperkenalkannya ke serata pelosok dunia
- Pasti menarik minat golongan muda – dilakukan dengan penuh kesungguhan – genggam bara api biar sampai jadi arang

ISI 3

- Merevolusikan sektor pertanian supaya sektor ini berprestij – membuat reformasi terhadap sektor pertanian
- Perlu mengalami transformasi untuk menjadikan negara unggul – berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara pertanian lain
- Sebagai contohnya – penggunaan ilmu sains dan teknologi dalam sektor pertanian dan penternakan
- Demi meningkatkan produktiviti, iaitu menjimatkan penggunaan tenaga dan meninggikan hasil tanaman yang berkualiti dan berkuantiti
- Bukan sahaja dapat mengurangkan import makanan dari luar negeri dan dapat mengelakkan penduduk kampung berhijrah ke bandar malah dapat menggalakkan golongan muda menceburi bidang ini

ISI 4

- Mendalami aspek penyelidikan dan penghasilan produk pertanian
- Membimbing golongan muda dan memastikan bahawa industri hilir dalam pertanian dapat dimajukan untuk meningkatkan pendapatan kaum petani
- Contohnya, lada dapat dijadikan sos cili, ubat pelangsing dan ubat kesakitan sendi – selaras dengan peribahasa Melayu, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
- Contoh lain, ilmu genetik digunakan untuk mencari baka benih yang dapat menjamin hasil tanaman yang bermutu, seperti padi hibrid – menjamin penghasilan padi yang banyak dan berkualiti
- Secara holistiknya, golongan muda perlu disuntik semangat transformasi untuk menggunakan bioteknologi dalam sektor pertanian

ISI 5

- Sistem pengagihan yang terbaik dan berkesan perlu disediakan
- Agar petani tidak dianiayai orang tengah
- Mengaturkan strategi yang bersepadu dan bijaksana bagi menarik rambut dalam tepung untuk menjamin pemasaran produk pertanian
- Contohnya, penubuhan koperasi – berperanan sebagai pemborong dan pembekal
- Pembukaan tapak pasar tani – menyalurkan hasil tani secara langsung kepada pengguna – menambah pendapatan
- Memberikan manfaat kepada pihak petani dan pengguna, seperti peribahasa serampang dua mata.
- Sistem pengagihan yang teratur dapat memantapkan harga produk pertanian.

PENUTUP

- Kesimpulannya – kata orang tua-tua, genggam bara api biarlah sampai jadi arang – semua pihak yang terbabit perlu menggembleng tenaga untuk menjanakan sektor pertanian di tanah air.
- Perkembangan pertanian mengundang seribu satu kebaikan
- Minda golongan muda perlu dipupuk, ditanam – kelebihan sektor pertanian
- Mewujudkan keberdikarian bekalan makanan negara – menghasilkan dan membekalkan bekalan makanan tempatan secara domestik dan tidak bergantung kepada industri import

Soalan 3

Peranan ibu bapa dalam menerapkan semangat cinta akan tanah air dalam jiwa anak-anak.

PENDAHULUAN

- Definisi – patriotisme – perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air
- Kesanggupan seseorang mempertahankan negara daripada kemusnahan
- Diibaratkan seorang individu yang sanggup mengorbankan dirinya untuk kepentingan negara
- Sebelum merdeka, semangat patriotisme begitu terserlah dalam diri masyarakat
- Kini, semangat tersebut semakin berkubur terutamanya dalam kalangan generasi muda
- Kurang bersyukur dengan keamanan dan kemakmuran
- Sebelum nasi menjadi bubur – usaha perlu dilakukan bagi menyuburkan semangat patriotik
- Persoalannya, apakah peranan ibu bapa dalam menerapkan semangat cinta akan negara dalam jiwa anak-anak?

ISI-ISI

ISI 1

- Membawa anak-anak melawat ke tempat-tempat yang bersejarah
- Dapat menimbulkan dan melahirkan minat anak-anak untuk mengetahui latar belakang dan asal usul pembentukan negara – tokoh-tokoh pejuang negara – akan wujud semangat cinta kepada negara dalam jiwa anak-anak
- Contohnya, membawa anak-anak ke Bandar Bersejarah, Melaka, Lembah Bujang, Seri Menanti dan Kota Belanda di Perak sebagainya boleh dijadikan sebagai destinasi lawatan – terdapat pelbagai barang dan bangunan tinggalan sejarah
- Merupakan langkah bagai serampang dua mata kerana anak-anak bukan sahaja dapat menimba ilmu pengetahuan tetapi juga dapat mengekalkan hubungan silaturahim yang erat antara keluarga
- Jelasnya, lawatan ke tempat yang bersejarah perlu dijadikan amalan – cuti persekolahan
- Menimbulkan rasa bangga dan bersyukur atas perjuangan tokoh negara
- Sebagai cara menerapkan semangat patriotik dalam jiwa anak-anak

ISI 2

- Membawa anak-anak untuk menyertai sambutan peristiwa penting negara
- Sambutan hari kebangsaan tanggal 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September
- Dipenuhi dengan pelbagai acara – dapat menimbulkan rasa bangga dan meniupkan semangat cinta akan negara ini dalam hati mereka
- Contohnya, bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang – menyanyikan lagu-lagu patriotik – dapat menyemarakkan semangat cinta kepada negara dalam jiwa
- Mendapat peluang untuk melihat persembahan daripada kaum lain dan berkenal-kenalan antara satu sama lain
- Perpaduan antara kaum akan tercapai
- Wujud masyarakat yang harmoni yang bersemangat patriotik
- Jelaslah bahawa – membawa anak-anak menyambut Hari Kebangsaan sejak mereka kecil lagi – semangat patriotik

ISI 3

- Membeli buku-buku sejarah atau buku-buku novel bertemakan semangat patriotik
- Melalui proses pembacaan, anak-anak dapat mengetahui lebih banyak perkara berkaitan dengan sejarah
- Membantu menerapkan semangat patriotik – mempunyai isi kandungan yang berunsur patriotisme
- Haruslah memilih buku-buku yang tinggi nilai ilmunya dan bukannya buku-buku komik yang tidak bermanfaat
- Pasti semangat patriotik dapat diterapkan dalam jiwa anak-anak
- Amalan membaca – dipupuk sejak dari kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya.

- Apabila anak-anak membesar nanti, mereka akan sentiasa bersemangat patriotik dan suka membaca kerana kalau asal benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau, terlontar ke udara menjadi kejora dan dicampak ke bumi menjadi penawar.

ISI 4

- Membimbing anak-anak dalam menguasai subjek Sejarah – anak-anak dapat menguasai subjek Sejarah dengan baik
- Anak-anak umpama kain putih, ibu bapalah yang perlu mencorakkannya dengan menerapkan semangat cinta akan negara
- Bukan sahaja mengenal asal usul negara dan tokoh-tokoh pejuang tetapi juga dapat memperkukuh perpaduan antara anggota masyarakat
- Menyokong anak-anak agar tidak berasa tertekan apabila mempelajari subjek Sejarah
- Menimbulkan semangat dan berusaha meningkatkan prestasi anak dalam subjek tersebut
- Penguasaan dalam subjek Sejarah – membibitkan rasa cinta terhadap subjek Sejarah seterusnya melahirkan kecintaan terhadap negara – membentuk jati diri dan keyakinan diri

ISI 5

- Menjadi ‘role model’ atau suri teladan kepada anak-anak
- Segala perbuatan, perlakuan, amalan, pertuturan dan pemikiran mereka akan diikuti oleh anak-anak
- Sentiasa menunjukkan sikap yang positif kepada anak-anak
- Sebagai contohnya, ibu bapa boleh mengibarkan bendera di rumah atau melakukan aktiviti yang dapat menunjukkan sokongan terhadap negara
- Tidak menonjolkan sikap yang menunjukkan keburukan negara – jangan bersikap seperti ketam mengajar anak berjalan betul, tetapi diri sendiri tidak betul
- Sentiasa menunjukkan contoh yang terbaik kepada anak-anak kerana ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi
- Melakukan usaha dengan sepenuh hati agar anak-anak yang dibesarkan dapat menjadi insan yang cinta akan negara dan bersemangat patriotik
- Tegasnya, – bagi melahirkan generasi muda yang berwawasan

PENUTUP

- Semangat patriotik merupakan asas kekuatan rakyat untuk terus berbakti kepada negara
- Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menerapkan semangat patriotik dalam jiwa anak-anak
- Hadis Riwayat At-Tarmizi menyatakan bahawa ‘tiada anugerah yang dapat diberikan oleh seorang ayah kepada anaknya selain tunjuk ajar dan budi pekerti yang mulia’
- Jelas membuktikan betapa besarnya tanggungjawab ibu bapa dalam pembinaan personaliti anak-anak
- Ibu bapa haruslah melaksanakan tanggungjawab dan peranan sehabis baik
- Melahirkan individu – bersemangat cinta akan negara – berwawasan – melahirkan generasi muda yang mantap jati diri
- Uslub ini perlu dilakukan dan boleh dimulakan dengan langkah-langkah yang telah disarankan

Soalan 4

Minhaj untuk mengurangkan masalah stres dalam kalangan anggota masyarakat

PENDAHULUAN

- Definisi stres – keadaan resah, cemas, dan tegang akibat tekanan mental atau fizikal
- Tidak terlepas daripada menghadapi tekanan dalam kehidupan. Hal ini bertepatan dengan maksud peribahasa, bumi mana yang tidak ditimpa hujan dan lautan mana yang tidak bergelora
- Menjadi polemik yang dibincangkan – banyak punca – berkemungkinan – berkaitan pelajaran, masalah keluarga, masalah kewangan atau kerjaya, hubungan dengan rakan atau kehidupan yang semakin mencabar
- Membawa kepada pelbagai permasalahan dan penyakit yang lebih kompleks melibatkan emosi serta fizikal yang bukan sahaja memberi kesan ke atas individu tetapi juga terhadap orang sekeliling
- Persoalannya, apakah usaha atau minhaj untuk mengurangkan masalah stres dalam kalangan anggota masyarakat yang dikatakan semakin meruncing ini?

ISI-ISI

ISI 1

- Meluangkan masa mereka untuk aktiviti berekreasi atau bersukan
- Membantu mengurangkan tekanan
- Misalnya, permainan bola sepak, badminton, tenis dan sebagainya bukan sahaja memberi suasana yang berbeza, bahkan juga membantu menyihatkan badan
- Melalui sukan, seseorang mengeluarkan peluh dan hormon endorfin yang mencerdaskan otak, persis badan cergas, otak cerdas
- Di padang, taman permainan atau gelanggang yang berhampiran dengan rumah masyarakat – bermain bersama rakan-rakan – fokus beralih daripada beban kerja kepada suasana permainan
- Tidak memikirkan kerja seharian dan proses ini boleh merehatkan otak kita
- Tegasnya – perlu bersukan untuk memperoleh kebaikan serampang dua mata, iaitu mengatasi masalah stres di samping menyihatkan diri, persis sambil menyelam minum air

ISI 2

- Harus berjumpa dengan doktor – lebih berpengalaman dan tahu cara mengubatnya, persis kata mutiara, jauhari juga yang mengenal manikam
- Contohnya, apabila kita mengalami sakit kepala atau migrain, doktor dapat memberi khidmat kesihatan dan menasihati kita untuk menangani tekanan – melakukan imbasan CT dapat menunjukkan kondisi otak manakala kepakaran doktor menganalisis dan mendiagnos diri kita
- Untuk mengelakkan masalah ini bertambah rumit – persis sebelum kudis menjadi tokak
- Pemberian ubat-ubatan menenangkan jiwa boleh merawat gejala ini – dapat bertanya dan menjelaskan kekeliruan kita
- Perkhidmatan doktor wajar – untuk menangani masalah stres kerana doktor memahami anatomi badan kita

ISI 3

- Mendekatkan diri kepada Tuhan
- Berdoa dan meluahkan rasa hati kepada Tuhan dapat meringankan bebanan
- Dapat menerima hakikat bahawa masalah yang datang itu ialah dugaan daripada Tuhan untuk menguji tahap keimanan seseorang
- Dipandang dari sudut yang positif – menerima segala masalah sebagai ketentuan atau takdir daripada Tuhan
- Boleh memohon petunjuk daripada Tuhan untuk menyelesaikan masalah tersebut
- Maka mendekatkan diri kepada Tuhan dengan beribadat merupakan cara yang paling tepat untuk menghilangkan keresahan hati dan remaja

ISI 4

- Cara berfikir amat mempengaruhi kesihatan diri, terutamanya kesihatan mental
- Perlu memiliki kesihatan yang baik dan sentiasa berfikiran positif apabila berhadapan dengan situasi yang kritikal dan sukar
- Contohnya, apabila menerima pujian – tidak berbangga dengan pujian – sebaliknya memikirkan sama ada pujian tersebut diberikan secara ikhlas atau diberikan – kerana ada udang di sebalik batu
- Jika kritikan atau teguran – menerimanya dengan minda terbuka dan menganggapnya sebagai kritikan yang membina
- Bermuhasabah – membaiki segala kekurangan
- Kesihatan yang baik dan berfikiran positif dapat mengelakkan stres

ISI 5

- Melancong – di dalam atau di luar negara
- Dapat merasakan keterujaan dan kegembiraan – membolehkan seseorang melupakan segala masalah yang membelenggu fikiran
- Secara tidak langsung, tekanan yang mengganggu fikiran – dapat diatasi atau setidak-tidaknya dapat dilupakan
- Dapat menikmati keindahan dan keunikan panorama negara lain di samping menambahkan pengetahuan tentang budaya dan sejarah negara tersebut, bertepatan dengan maksud peribahasa jauh perjalanan luas pemandangan, banyak pula pengalaman
- Aktiviti ketika melancong cukup membantu seseorang melupakan segala tekanan yang dihadapi

PENUTUP

- Pelbagai langkah yang efektif perlu dilakukan oleh semua pihak sehingga ke akar umbinya untuk menangani isu stres ini daripada berlarutan
- Stres tidak boleh dibiarkan menguasai diri – implikasinya terlalu besar – menjadi kekangan serius dan harus ditangani sebelum nasi menjadi bubur
- Semua pihak harus bekerjasama bagai aur dengan tebing dalam mencari jalan penyelesaian serta tidak memandang enteng terhadap polemik ini persis rumput di tepi jalan
- Beng Tju, seorang pemikir unggul pernah menukulkan kata-kata, “rakyat ialah akar bangsa, jika akarnya sihat, pokoknya sihat juga”
- Tuntasnya, masalah stres perlu dibendung untuk menjamin masa depan masyarakat yang sejahtera, damai dan permai
- Carilah jalan untuk membantunya mengatasi masalah tersebut – cegah sebelum parah

KERTAS 2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA [35 markah]

Soalan 1

Kata Kerja Transitif

- melindungi
Maksudnya, **1.** menudung supaya tidak kelihatan (jangan terkena sesuatu dan lain-lain): pondok saya tidak nampak dari sini kerana dilindungi belukar; **2.** memberi pertolongan (bantuan dan lain-lain), membela, memberi naungan: mahkamah bertanggungjawab ~ masyarakat daripada malapetaka jenayah; beberapa ekor kambing biasanya dipelihara bersama-sama biri-biri untuk ~ biri-biri daripada serangan binatang buas; **3.** tidak memperlihatkan (secara terang-terangan) atau mendedahkan sesuatu, menyelimuti kebenaran (kejahatan dan lain-lain), menyelubungi: mereka sangat bijak ~ hasrat yang hendak disampaikan
Ayat contoh: Pihak polis sentiasa melindungi pemberi maklumat bagi menjamin keselamatan mereka daripada diancam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- merangsang
Maksudnya, **1.** menimbulkan rangsang atau menimbulkan perasaan yg kuat: Bau sambal tumis ~ hidung. **2.** membangkitkan kegembiraan (keberanian dll). ~ hati memanaskan hati; menimbulkan rasa marah.
Ayat contoh: Hiasan ilustrasi pada menu makanan yang beragam macam itu cukup merangsang selera kami.
- menjalani
Maksudnya, mengalami, melalui
Ayat contoh: Pesakit buah pinggang itu menjalani rawatan hemodialisis di hospital pada setiap minggu.

Kata Kerja Pasif

- dilindungi:
Maksudnya, diselamatkan, tidak terkena sesuatu
Ayat contoh: Masyarakat dilindungi daripada malapetaka jenayah oleh mahkamah yang bertanggungjawab.
- dicegah:
Maksudnya, dihalang, ditangani
Ayat contoh: Kalian dicegah membuang sampah ke dalam longkang ini.
- dijangkiti:
Maksudnya, berpindah daripada seorang kepada seorang yang lain, menular, merebak
Ayat contoh: Seseorang yang dijangkiti demam denggi memerlukan rawatan di hospital dan memakan masa sekitar dua minggu untuk pulih kembali.
- alami:
Maksudnya, merasai atau menempuh (kesusahan, kesulitan, perubahan, dll), menanggung;
Ayat contoh: Selama hampir tiga tahun yang lalu, kesulitan ekonomi telah kita alami.
- ambil:
Maksudnya, mendapatkan sesuatu
Ayat contoh: Buah rambutan di atas meja itu boleh kamu ambil.

Soalan 2

- (i) **Ayat Penyata:** Kalian digalakkan memanfaatkan panggilan video sebagai gantian amalan ziarah-menziarahi.
- (ii) **Ayat Tanya:** Kalian ingin merancang untuk berkunjung semasa musim perayaan?
- (iii) **Ayat Silaan :**Sila lakukan TRIIS (*Trace, Report, Isolate, Inform dan Seek*) terlebih dahulu sebelum menghadiri sambutan tersebut.
- (iv) **Ayat Suruhan:** Berdisiplinlah semasa menjalani kuarantin bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19.
- (v) **Ayat larangan:**Elakkan berkongsi perkakas makanan dan minuman.
- (vi) **Ayat permintaan:** Minta hadkan bilangan orang yang menghadiri perkumpulan keluarga.

Soalan 3

Bahan 1

	Salah	Betul
i.	siapa	sesiapa
ii.	boleh dihasilkan oleh kalian	boleh kalian hasilkan
iii.	dapatkan	mendapatkan
iv.	tong drum	tong dram
v.	mempercepatkan	mempercepat
vi.	penghuraian	penguraian

Bahan 2

	Salah	Betul
i.	apa itu baja organik?	Apakah itu baja organik? / Apakah baja organik? / Baja organik apa?
ii.	adalah	ialah
iii.	kedua	kedua-dua
iv.	penggembleran	campuran
v.	dari masa ke semasa	dari masa ke masa / dari semasa ke semasa.

Soalan 4

CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

Bil	Markah	Kriteria
1	Cemerlang (5 – 6)	<ol style="list-style-type: none">1. Struktur ayat mengikut petikan.2. Mengekalkan maksud seperti dalam petikan3. Mengekalkan bahasa istana jika berkenaan.4. Tanda baca dalam setiap ayat dikekalkan.5. Penggunaan kata yang tepat dan gramatis.
2	Baik (3 – 4)	<ol style="list-style-type: none">1. Struktur ayat masih mengikut petikan.2. Masih mengekalkan maksud seperti dalam petikan3. Masih mengekalkan bahasa istana4. Tanda baca dalam setiap ayat masih dikekalkan5. Penggunaan kata yang masih tepat dan gramatis
3	Lemah (1 – 2)	<ol style="list-style-type: none">1. Sebahagian besar struktur ayat dalam petikan tidak dikekalkan.2. Sebahagian besar maksud dalam ayat tidak dikekalkan.3. Sebahagian besar laras bahasa istana tidak dikekalkan.4. Sebahagian besar tanda baca dalam setiap ayat tidak dikekalkan5. Banyak kesalahan penggunaan kata dan bahasa tidak gramatis

Apabila tentera Siam melihat banyak api dinyalakan, hulubalang Siam pun berkata, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka hingga tidak terbilang jumlahnya. Jikalau mereka menyerang, apakah yang akan berlaku terhadap kita? Sedangkan sebuah perahu sahaja, kita tidak terlawan.”

Awi Dicu pun berkata, “Benar seperti yang kamu katakan; marilah kita kembali sebelum waktu siang.”

Soalan 5

	Peribahasa	Peribahasa yang sama maksud	(Bonus) Maksud
i.	Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum jua	Air dicencang tak akan putus	Perbalahan antara adik beradik tidak kekal lama, lama kelamaan akan berbaik-baik jua
ii.	Haruan pulang ke lubuk	<ul style="list-style-type: none"> – Belut pulang ke lumpur – Gagak pulang ke benua – Ikan pulang ke lubuk – Sireh pulang ke gangang – Setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau 	Perantau yang pulang semula ke tempat asal
iii.	Membuka pekung di dada	<ul style="list-style-type: none"> – Menepuk air di dulang terpercik ke muka sendiri – Menconteng arang di muka – Seperti meludah ke langit 	Mendedahkan keburukan ahli keluarga akan mengaibkan diri sendiri

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN [35 markah]

Soalan 6

i.	<i>hanya jauhari yang mengenal manikam</i>	Hanya orang yang bijak sahaja yang mengetahui tentang keelokan ilmu.	[2 markah]
ii.	Persamaan dan perbezaan manfaat bersukan antara atlet sukan dan orang ramai	<ul style="list-style-type: none"> • Persamaan manfaat atlet sukan dan orang ramai <ul style="list-style-type: none"> – Menyihatkan tubuh badan – Mengisi masa lapang • Perbezaan manfaat <ul style="list-style-type: none"> – Atlet sukan – memperoleh pendapatan lumayan – Orang ramai – bersukan sebagai aktiviti harian 	[3 markah]
iii.	Cara lain yang terbaik untuk mengatasi masalah kemerosotan pencapaian atlet negara kita (Dalam Bahan 2: – Merombak jawatankuasa yang menaungi sesebuah persatuan sukan – Mencungkil bakat-bakat muda daripada peringkat sekolah lagi)	<ul style="list-style-type: none"> – Mengupah jurulatih yang terbaik bagi mendedahkan atlet sukan untuk mempraktikkan teknik-teknik yang lebih sesuai dalam permainan mereka supaya mereka lebih tangkas daripada sebelum itu. – Menyediakan infrastruktur yang lengkap untuk kegunaan para atlet negara – Membayar gaji yang tinggi kepada atlet sukan negara. Hal ini adalah untuk memberikan dorongan kepada mereka agar terus berjaya – Para atlet negara juga perlu didedahkan dengan kejohanan-kejohanan antarabangsa secara lebih kerap. 	[3 markah]

iv. Faktor yang menyebabkan remaja tidak berminat untuk bersukan	<ul style="list-style-type: none"> – Ibu bapa kurang memberi galakan kepada anak-anak mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan – Terlalu memfokuskan pencapaian anak mereka dalam bidang akademik semata-mata. – Jadual harian yang padat seperti menghadiri kelas tuisyen menjadi satu punca kegiatan sukan kurang mendapat sambutan dalam kalangan murid – Menganggap sukan hanya membuang masa – Kekurangan prasarana untuk menjalankan pelbagai aktiviti sukan – Pengaruh pemodenan teknologi dalam kalangan remaja, mereka menganggap bahawa aktiviti sukan sebagai tidak relevan dan tidak menarik lagi. – Lebih gemar berpelesen di pusat beli belah, bergaul bebas, ketagihan hiburan, dan merempit. – Mana-mana jawapan yang munasabah diterima
--	--

[Maksimum 4 markah]

Soalan 7

i. Akibat daripada ketidakpedulian sesetengah manusia terhadap alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Terhapus flora dan fauna • Berlaku malapetaka seperti banjir kilat • Kepupusan hutan • Berlaku pencemaran di alam semesta 	[2 markah]
ii. Perasaan anggota masyarakat apabila melihat pencemaran yang berleluasa di muka bumi	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeluh • Sedih • Kesal 	[3 markah]
iii. Pihak kerajaan melaksanakan kempen pengasingan sisa pepejal di rumah	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan pencemaran dan kerosotan alam sekitar • Memelihara sumber alam semula jadi • Memudahkan proses pengurusan dan perawatan sisa pepejal selanjutnya; • Mendidik masyarakat agar menghargai sisa pepejal sebagai satu sumber tenaga, ekonomi dan artistik • Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan oleh itu, membantu meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan tersebut • Pengasingan sisa di rumah dan amalan 3R juga telah dikenal pasti sebagai salah satu langkah paling berkesan dalam usaha mengurangkan jumlah penajaan dan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan • Meningkatkan kadar kitar semula negara pada tahap yang membanggakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa 	[4 markah]
iv. Cadangan-cadangan yang dapat saya berikan untuk memastikan kawasan hutan terpelihara daripada berlakunya kemusnahan dan kepupusan flora dan fauna.	<ul style="list-style-type: none"> • Menambah luas kawasan hutan simpanan hutan dara di negara • Memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan alam sekitar terus dilakukan oleh pelbagai pihak di negara ini seperti kempen kebersihan, perkhemahan alam sekitar bagi belia, seminar, bengkel, pameran, promo media dan penerbitan bahan-bahan cetak. • Melancarkan kempen menghentikan semua projek pembangunan yang berhampiran kawasan hutan tanpa sebarang alasan • Memohon kerajaan mewujudkan suatu peruntukan undang-undang atau akta yang mampu melindungi hutan daripada sebarang pencerobohan • Mencadangkan suatu hukuman yang setimpal seperti hukuman penjara dan denda yang tinggi • Kerajaan mewartakan kawasan hutan sebagai Taman Negara • Menubuhkan institut penyelidikan yang membuat kajian tentang penjagaan dan penyelamatan hutan negara 	[4 markah]

Soalan 8

- i. **Apakah tindakan Adnan apabila berhadapan dengan situasi dalam petikan cerita di atas?**
- Adnan membawa sebatang kayu belati panjang sehasta
 - Membongkok mencari arah bunyi bising yang datanginya dari bawah rumah
 - Terus mengejar kedua-dua lembaga itu
 - Membaling kayu belatinya ke arah seorang daripada dua lembaga itu
- ii. **Dua peristiwa yang dapat memberikan pedoman kepada audiens.**
- (a) ***Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib***
- Peristiwa Adnan mematuhi cadangan ibunya untuk mengahwini Sophia. Sebagai seorang anak, Adnan menjalankan tanggungjawabnya untuk patuh akan kehendak ibu bapanya. Walaupun tidak mengenali Sophia, namun Adnan tidak membantah apabila mereka mahu menjodohkannya dengan Sophia, seorang guru sekolah yang merupakan anak Pak Faqih Muda sekembalinya dari London dan setelah berjaya menjawat jawatan leftenan muda. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita sentiasa mentaati kata-kata ibu bapa agar dapat hidup dengan bahagia.
 - Peristiwa Pak Saidi sangat mementingkan ilmu apabila dia berkeras untuk menghantar anaknya, Adnan ke sekolah Inggeris. Pak Saidi berpendapat bahawa untuk mencari ilmu mestilah belajar dengan bangsa yang lebih berjaya dan maju. Walaupun mendapat tentangan dan halangan daripada penduduk kampung, namun Pak Saidi tetap meneruskan hajatnya menghantar anaknya ke sekolah Inggeris. Hasilnya anak-anak Pak Saidi telah berjaya dan menjadi ikutan oleh penduduk kampung yang lain. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita seharusnya mementingkan ilmu pengetahuan untuk masa depan yang cemerlang walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.
- (b) ***Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor***
- Peristiwa Farisha tidak dapat masuk ke dalam rumah kerana rumah Farisha telah dilengkapi dengan sistem keselamatan yang canggih iaitu retinal scanner dan interkom yang bersambung dengan rumah abangnya, Azraai. Apabila Azraai menelefon Farisha, hologram Azraai akan muncul. Mereka berbual tentang kes pembunuhan yang berlaku tidak jauh dari apartmen Farisha. Sistem keselamatan ini dipasang oleh Azraai untuk menjamin keselamatan adiknya yang tersayang. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita sentiasa menyayangi adik-beradik dengan menjaga keselamatan mereka.
 - Peristiwa pekerja Soft Lab menunaikan wasiat Karl supaya mayatnya dibakar dan abunya ditaburkan di Selat Melaka. Selepas subuh pada hari Ahad, berpuluh-puluh orang pekerja Soft Lab berkumpul di Port Dickson untuk upacara tersebut. Dr. Maxi dan beberapa orang pengurus besar Soft Lab memberikan sepatah dua kata tentang kenangan bekerja dengan Karl dan jasa-jasanya terhadap syarikat. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita sentiasa mentaati perintah ketua dalam menjalankan amanah yang diberikan.
- (c) ***Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin***
- Peristiwa datuk Lili atau Haji Abdul Rahman rajin masuk ke hutan untuk mencari akar-akar kayu sebagai ramuan perubatan tradisional. Sikapnya yang rajin ini membimbangkan nenek kerana pernah datuk tidak balik pada waktu malam semata-mata untuk mencari akar-akar kayu. Datuk turut ke paya bakau untuk mencari tumbuhan eksotik dan suka merayau-rayau ke tempat-tempat yang berpotensi untuk dijadikan penyembuh tubuh manusia yang sakit. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita menghargai sumber alam semula jadi yang banyak memberikan manfaat kepada kesihatan manusia.
 - Peristiwa Geetha yang rajin membantu nenek memasak apabila dia memotong sayur dan menyiang ikan ketika dia tidur di rumah nenek. Walaupun nenek melarang Geetha menolongnya kerana Geetha ialah tetamu namun dia tetap membantu nenek. Bagi Geetha, membantu melakukan kerja-kerja di dapur ialah kerja orang perempuan. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita rajin membantu orang yang lebih tua untuk meringankan kerja-kerja mereka.

(d) *Pantai Kasih karya Azmah Nordin*

- Peristiwa ibu Unong Siron menjaga Unong Siron yang terlantar sakit di Pusat Rawatan Pantai Kasih kerana menjalani pembedahan penggantian sendi pinggul kali keenam. Wang pampasan yang diperoleh hampir habis untuk mengubati anaknya yang sakit. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita sentiasa menyayangi anak-anak dengan menjaga kesihatan mereka.
- Peristiwa Doktor Muhammad dedikasi dalam menjalankan tugasnya apabila dia sanggup datang bertugas semula apabila dia menerima on call pada suatu malam. Doktor Muhammad terpaksa dipanggil bertugas kerana terdapat kes kelahiran pramatang seorang bayi yang belum cukup masa dan menghadapi kesukaran bernafas. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita sentiasa berdedikasi menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dalam apa-apa jua keadaan.

(e) *Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip*

- Peristiwa keprihatinan Tauke Lim terhadap kesusahan dan kemiskinan hidup yang dialami oleh keluarga Embong. Dia sanggup memberikan makanan dan wang kepada keluarga Embong. Tauke Lim membenarkan Embong sekeluarga mengambil barang runcit di kedainya dengan berhutang. Tauke Lim turut menyumbangkan wang sebanyak RM300.00 untuk membiayai perbelanjaan Dahlia di Universiti Malaya. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita prihatin akan kesusahan orang lain dengan menghulurkan bantuan kepada mereka.
- Peristiwa Cikgu Hisyam yang mengingatkan Dahlia agar tidak mengabaikan pelajaran apabila Dahlia membuat keputusan untuk keluar dari asrama. Cikgu Hisyam telah memanggil Dahlia untuk menemuinya kerana Dahlia tidak hadir dua hari ke sekolah. Cikgu Hisyam cuba mencungkil masalah yang dihadapi oleh Dahlia namun Dahlia lebih suka merahsiakannya. Cikgu Hisyam yang bimbang akan pelajaran Dahlia telah meminta rakan-rakan Dahlia membantu meminjamkan nota-nota untuk memudahkan Dahlia mengulang kaji pelajarannya. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita sentiasa mementingkan pelajaran walaupun berhadapan dengan pelbagai masalah.

(f) *Tirani karya Beb Sabariah*

- Peristiwa Waheeda berani menghadapi risiko apabila dia mengambil alih perniagaan Pak Cik Abdul Aziz yang mempunyai masalah kewangan sehingga dia diisytiharkan muflis kerana penyelewengan yang dilakukan oleh pekerja-pekerjanya. Waheeda berani membeli Chalet Iwana-Iwani sedangkan dia baru sahaja sembuh daripada penyakit kemurungan yang dihadapinya setelah mendapatkan rawatan dan kaunseling daripada Dr. Qamariah serta sokongan moral daripada ibu dan abangnya. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita berani berhadapan dengan risiko untuk mendapatkan kejayaan.
- Peristiwa Fadhil dan Raidah yang mematuhi ajaran agama apabila mereka tidak membenarkan Waheeda melakukan pembedahan kosmetik kerana perbuatan mengubah fitrah Allah itu bertentangan dengan kehendak agama Islam dan melanggar adat resam keturunan mereka. Fadhil tidak mahu Waheeda melanggar ajaran agama semata-mata ingin akan kecantikan. Justeru, ajaran agama perlulah dipatuhi oleh semua dalam melakukan sebarang tindakan agar tidak tersalah membuat keputusan. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita tidak melakukan perkara yang melanggar hukum agama supaya hidup diberkati Tuhan.

(g) *Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop*

- Peristiwa kegigihan Nurul Hafsa dan Budiman mencari dan mengumpul data-data tentang kepupusan kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor. Nurul Hafsa dan Budiman duduk di jeti menunggu kumpulan kelip-kelip. Kerja-kerja mencerap populasi kelip-kelip terhenti selama seminggu kerana Muhammad Taufik dimasukkan ke hospital. Sebagai menunaikan janji serta menjaga integriti data yang akan dipersembahkan dalam kerja-kerja mereka pada masa depan, Budiman dan Nurul Hafsa terpaksa melakukan pengumpulan data tanpa Muhammad Taufik. Mereka perlu mengambil foto setiap kali ternampak kelip-kelip dalam masa 10 minit mereka duduk di jeti tersebut. Mereka pulang selawat-lewatnya pada pukul 10.00 malam. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita gigih melakukan sesuatu tugas untuk mendapatkan bukti-bukti yang sah.
- Peristiwa Tan Sri Muhaimin terus membesarkan anaknya Muhammad Taufik dengan baik dan penuh kasih sayang walaupun telah berpisah dan bercerai dengan isterinya, iaitu Puan Mariam Wickham.

Segala keperluan anaknya dipenuhi dengan sebaik-baiknya supaya anaknya mendapat kasih sayang yang secukupnya. Peristiwa ini memberikan pedoman supaya kita menyayangi anak-anak dengan memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada mereka.

(h) Silir Daksina karya Nizar Parman

- Peristiwa Ai Ling telah meminta Cikgu Zam mengajarnya mendeklamasikan puisi yang betul. Semasa Ai Ling mendeklamasikan sajak, Cikgu Zam berkhayal seolah-olah Aiman mendeklamasikan sajak bersama-sama Ai Ling. Ai Ling telah memenangi pertandingan mendeklamasi puisi di sekolahnya. Cikgu Zam sudah menduga kejayaan Ai Ling kerana persembahannya baik dan mengesankan. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita berani meminta bantuan orang lain yang lebih pakar untuk melakukan sesuatu agar mendapat kejayaan.
- Peristiwa Tauke Ong yang rajin bekerja apabila dia menoreh getah pada sebelah pagi bersama-sama isterinya. Pada sebelah petang pula, mereka akan meraih hasil kampung seperti pinang, biji kopi, pisang, getah beku dan getah sekerap untuk dijual di pekan. Sekiranya dia tidak menoreh getah, dia akan membersihkan kebun ayah Abdullah bin Kayan. Hasil kerajinannya berusaha, dia dapat membeli setengah ekar tanah kebun untuk dijadikan tapak rumah. Peristiwa ini memberikan pedoman agar kita rajin bekerja agar dapat menampung keperluan keluarga.

BAHAGIAN C : RUMUSAN [30 markah]

Soalan 9

PENDAHULUAN

- Punca merokok
- Kesan merokok
- Langkah mengatasi kegiatan merokok

ISI-ISI

Bahan 1:

Punca merokok

- Pengaruh daripada ibu bapa
- Merasakan merokok adalah suatu kebiasaan dan bukan kesalahan
- Sifat ingin tahu
- Masalah tekanan dalam diri
- Mudah mendapatkan bekalan rokok
- Sesiapa boleh membeli rokok

Kesan merokok

- Mudah marah dan sensitif
- Menambahkan risiko penyakit berbahaya
- Menyebabkan 10% – 12% daripada kematian
- Menghidapi penyakit strok

Langkah mengatasi kegiatan merokok

- Pendidikan berkenaan bahaya rokok
- Maklumat tentang bantuan untuk berhenti merokok
- Penggunaan terapi gantian nikotin
- Sentiasa tanamkan dalam minda bahawa merokok sesuatu yang sia-sia dan merugikan

Bahan 2:

Punca merokok

- Pengaruh daripada rakan sebaya

Kesan merokok

- Serangan penyakit jantung

Langkah mengatasi kegiatan merokok

- Pengambilan makanan yang seimbang
- Kerap bersenam

Bahan 3:

Kesan merokok

- Memberikan kesan negatif kepada organ tubuh badan
- Menyebabkan jangkitan paru-paru
- Menyebabkan kanser paru-paru
- Berlakunya strok
- Menyebabkan gangguan kesuburan dan ketidaksuburan
- Mendapat serangan jantung
- Menyebabkan gangguan kepada kandungan

Langkah mengatasi kegiatan merokok

- Kempen Tak Nak Merokok

PENUTUP

(**Cadangan**) semua pihak haruslah bekerjasama menangani masalah kegiatan merokok

(**Harapan**) agar kita hidup sihat sepanjang hayat

KERTAS MODEL SPM SET 3

KERTAS 1

BAHAGIAN A [30 markah]

Keperluan pengambilan makanan yang seimbang

PENDAHULUAN

- Makanan seimbang merupakan pengambilan makanan yang cukup mengikut keperluan vitamin dan khasiat yang diperlukan
- Masih ramai masyarakat yang tidak menyedari kepentingan pengambilan makanan yang seimbang memberi manfaat terhadap kesihatan manusia

ISI-ISI

ISI 1

- Pengambilan makanan yang seimbang mampu mengelakkan seseorang menghadapi atau dijangkiti pelbagai penyakit
- Makanan seimbang membekalkan sumber vitamin dan mineral yang mampu meningkatkan daya tahan melawan penyakit

ISI 2

- Menjadikan tumbesaran fizikal manusia akan lebih sempurna melalui pengambilan makanan yang seimbang
- Tubuh badan yang sihat membolehkan seseorang menjalani aktiviti harian dan pekerjaan dapat dilakukan dengan baik

ISI 3

- Pengambilan makanan yang seimbang membantu perkembangan mental seseorang itu menjadi sihat dan cerdas
- Zat makanan yang mencukupi menjadikan aspek mental yang stabil dan dapat menyelesaikan masalah dengan lebih efektif

PENUTUP

- Setiap individu perlu mengambil pemakanan seimbang mengikut piramid makanan yang betul supaya mendapat kesan yang baik terhadap kesihatan
- Masyarakat yang masih degil perlu segera menukar cara pemakanan yang lebih sihat, jangan sudah terhantuk baru tergaduh

BAHAGIAN B [70 markah]

Soalan 1

Pendapat mengenai masalah buli dan cara mengatasi gejala ini

PENDAHULUAN

- Buli didefinisikan sebagai perlakuan ganas dari segi fizikal atau mental seperti memukul, mengejek atau memeras ugut
- Isu buli telah mencapai tahap yang membimbangkan semua pihak dan memerlukan langkah segera bagi mengatasi masalah ini

ISI-ISI

ISI 1

- Peranan ibu bapa sememangnya penting dalam mendidik anak-anak supaya tidak mudah terjebak ke kancah gejala buli
- Ibu bapa perlu mendidik anak dengan didikan agama dan moral supaya melahirkan insan yang berakhlak mulia

ISI 2

- Pihak sekolah perlu lebih sedar dan meningkatkan kesedaran dalam mengenal pasti kes buli yang berlaku di sekolah
- Pemantauan secara berkala perlu dilakukan di kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya kes buli di sekolah

ISI 3

- Pihak kerajaan perlu memperkasakan undang-undang dalam kes buli yang berlaku dan menguar-uarkan tindakan
- Memberi kesedaran kepada pembuli terhadap hukuman yang bakal dikenakan contohnya dibuang sekolah, denda dan dihantar ke pusat pemulihan

ISI 4

- Rakan-rakan sebaya juga perlu peka dan mengambil tindakan dengan melaporkan kes-kes buli yang berlaku di sekolah
- Tindakan segera boleh diambil oleh pihak sekolah sekiranya laporan dibuat sekali gus membantu pihak sekolah membanteras gejala buli

PENUTUP

- Gejala buli di sekolah seharusnya ditangani dengan segera supaya tidak menjadi parah yang akan merosakkan individu yang terlibat
- Semua pihak haruslah segera membantu menangani masalah buli daripada berhadapan dengan pelbagai risiko termasuk kehilangan nyawa

Soalan 2

Tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa

PENDAHULUAN

- Ibu bapa telah menjaga anak-anak bagai menatang minyak yang penuh supaya anak-anak dapat memiliki kehidupan yang selesa dan sempurna
- Pengorbanan ibu bapa terhadap anak-anak tidak ada tolok bandingnya dan anak-anak bertanggungjawab membalas jasa ibu bapa

ISI-ISI

ISI 1

- Belajar bersungguh-sungguh supaya memperoleh kejayaan yang cemerlang sehingga dapat membahagiakan ibu bapa
- Kejayaan cemerlang yang diperolehi dapat mengubah kehidupan ibu dan bapa ke arah yang lebih baik

ISI 2

- Anak-anak bertanggungjawab untuk memastikan kesihatan dan keselamatan ibu bapa sentiasa dalam keadaan yang baik
- Anak-anak hendaklah sering bertanya khabar dan kerap menziarahi ibu bapa yang tinggal berjauhan dengannya

ISI 3

- Anak-anak hendaklah sentiasa mentaati dan menghormati ibu bapa serta sentiasa beradab sopan semasa bertutur atau melayani ibu bapa
- Nilai-nilai dan sikap layanan baik anak-anak terhadap ibu bapa sememangnya akan menggembirakan hati ibu bapa

ISI 4

- Sentiasa menyediakan kelengkapan dan keperluan ibu bapa setelah bekerja bagi memastikan kebajikan ibu dan bapa terjaga
- Anak-anak hendaklah memberi wang perbelanjaan bulanan kepada ibu bapa yang memerlukan sebagai balasan terhadap pengorbanan ibu bapa

PENUTUP

- Anak-anak yang dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik semestinya akan memberi kebahagiaan dan kegembiraan terhadap ibu bapa
- Institusi keluarga yang berjaya dan bahagia adalah merupakan daripada sikap tanggungjawab dan peranan ibu bapa dan anak-anak

Soalan 3

Pendidikan alam sekitar perlu diajar di sekolah

PENDAHULUAN

- Kata alu-aluan mengikut kedudukan dan menyatakan tajuk syarahan yang akan disampaikan
- Nyatakan definisi 'Pendidikan Alam Sekitar'
- Pendidikan yang berkaitan alam sekitar iaitu sungai, perhutanan dan sebagainya

ISI-ISI

ISI 1

- Pendidikan Alam Sekitar patut diajar di sekolah adalah untuk memberi pendedahan kepada murid supaya lebih menghargai alam
- Alam sekitar yang tercemar tidak dapat dimanfaatkan kepada masyarakat terutama generasi yang akan datang

ISI 2

- Pendidikan Alam Sekitar akan membincangkan tentang faktor-faktor berlakunya pencemaran alam sekitar akibat daripada perbuatan manusia
- Menjadikan seseorang menjadi lebih peka dan lebih prihatin serta bertindak lebih bijak sebelum melakukan pencemaran alam

ISI 3

- Pendidikan Alam Sekitar perlu diajar di sekolah kerana dapat mengetahui dengan lebih jelas tentang kesan-kesan terhadap pencemaran alam sekitar
- Menyebabkan kepupusan haiwan, berlaku perubahan terhadap iklim, bencana alam dan lain-lain yang menyebabkan kerosakan alam

ISI 4

- Perbincangan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi pencemaran alam sekitar daripada terus berlaku
- Langkah-langkah yang proaktif akan diambil oleh murid seperti mengadakan ‘Kempen Alam Sekitar’, mengadakan gotong-royong dan sebagainya

PENUTUP

- Menjelaskan tentang kepentingan Pendidikan Alam Sekitar yang perlu dilaksanakan di sekolah yang dilihat mampu meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar
- Membuat kesimpulan tentang langkah-langkah yang bakal diambil bagi memastikan Pendidikan Alam Sekitar akan dilaksanakan di sekolah

Soalan 4

Perkara yang boleh dilakukan bagi menghargai jasa petugas barisan hadapan

PENDAHULUAN

- Malaysia dikejutkan dengan wabak pandemik *Coronavirus Disease 2019* (Covid-19) yang telah mengegarkan dunia
- Petugas barisan hadapan bertungkus-lumus berusaha menangani penularan wabak Covid-19 yang mengancam kesihatan dan nyawa wajar dihargai

ISI-ISI

ISI 1

- Masyarakat hendaklah sentiasa mematuhi prosedur standard operasi dalam mendepani norma baru bagi memutuskan rangkaian virus Covid-19
- Kekal di rumah sekiranya tidak ada urusan penting yang perlu dilakukan sekali gus meringankan tugas petugas barisan hadapan

ISI 2

- Menyatakan ucapan penghargaan terhadap petugas barisan hadapan dalam mengharungi pelbagai cabaran mendepani wabak yang berbahaya
- Ucapan seperti ‘terima kasih *frontliner*’ di media sosial atau medium media massa yang lain membuatkan petugas barisan hadapan lebih dihargai

ISI 3

- Kerajaan hendaklah memberi imbuhan atau keistimewaan yang setimpal dengan tanggungjawab yang digalas oleh petugas barisan hadapan
- Memberi bayaran gaji yang lebih dan memberi penambahan cuti rehat khas sebagai tanda penghargaan kerajaan terhadap petugas barisan hadapan

ISI 4

- Sektor ekonomi dan pelancongan memberi diskaun dan promosi khas buat petugas barisan hadapan untuk melancong atau membeli-belah
- Memberi keistimewaan seperti potongan harga tertentu sebagai tanda terima kasih kepada mereka membanteras virus dari terus merebak

PENUTUP

- Tugas petugas barisan hadapan bukan hanya mempertaruhkan nyawa mereka bahkan bagi memastikan tahap kesihatan dan keselamatan rakyat terpelihara
- Semua pihak hendaklah bersatu padu dan bersama-sama mendepani norma baru dengan baik supaya dapat memutuskan rangkaian wabak Covid-19 daripada terus merebak

KERTAS 2

BAHAGIAN A: SISTEM APLIKASI DAN BAHASA [35 markah]

Soalan 1

Kata Sendi Nama

- dengan
Maksudnya, berserta, bersama, disertai (oleh), ditemani (oleh)
Ayat contoh: Saya pergi ke sekolah dengan adik saya pada setiap pagi.
- bagi
Maksudnya, apa-apa yang telah ditentukan; untuk
Ayat contoh: Dia ditahan bagi tempoh tertentu selepas mendapat perintah mahkamah bagi tujuan siasatan.
- untuk
Maksudnya, ditentukan (disediakan) bagi, merupakan bahagian (seseorang dan lain-lain)
Ayat contoh: Hadiah yang saya beli ini untuk ibu.
- di
Maksudnya, menunjukkan tempat - kata sendi nama “**di**” digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama
Ayat contoh: Kami berkelah di pantai pada minggu lepas.
- dalam
Maksudnya, “di **dalam**” digunakan untuk menunjukkan tempat yang boleh dilihat secara fizikal ruang dalamnya, manakala “**dalam**” pula menunjukkan kedudukan sesuatu yang bersifat abstrak.
Ayat contoh: Ibu meletakkan alatan-alatan memasak ke dalam laci yang telah disediakan.

Kata Adjektif

- pintar
Maksudnya, cekap, pandai, banyak akal, cerdik
Ayat contoh: Murid itu sememang pintar kerana dapat menjawab soalan uji akal dengan tepat sekali.
- canggih
Maksudnya, moden dan kompleks (alat), sofistikated
Ayat contoh: Teknologi yang serba canggih pada hari ini memudahkan masyarakat mengakses maklumat.
- tipis
Maksudnya, **1.** tidak tebal; nipis. **2.** hampir tidak ada: menjadi tipis; makin berkurang (tentang harapan dan sebagainya).
Ayat contoh: Pasukan lawan berhadapan harapan yang tipis bagi memperoleh kemenangan kejohanan bola sepak itu.
- menawan
Maksudnya, menambat (memikat, mempengaruhi, menarik) hati
Ayat contoh: Gadis itu kelihatan menawan dengan menggayakan gaun yang diperbuat daripada kain sutera.
- mesra
Maksudnya, **1.** bercampur benar-benar, menyerap benar-benar, berpadu, bersehati **2.** erat atau karib benar (bersahabat, berkasih-kasih, dan lain-lain) **3.** muluk-muluk, indah-indah, sedap (bunyi dan lain-lain), nyaman
Ayat contoh: Mereka bukan sahaja belajar bersama-sama selama ini tetapi juga bersahabat dengan mesra antara satu sama lain.

Soalan 2

- i. **Ayat tunggal 1:** Garam berperanan penting untuk tubuh badan manusia.
Ayat tunggal 2: Pengambilan garam tanpa kawalan membawa mudarat pada kesihatan manusia.
Ayat majmuk: Garam berperanan penting untuk tubuh badan manusia tetapi/namun pengambilan garam tanpa kawalan membawa mudarat pada kesihatan manusia.
- ii. **Ayat tunggal 1:** Kekurangan garam di dalam tubuh dapat menyebabkan fungsi sel terganggu.
Ayat tunggal 2: Kekurangan garam di dalam tubuh dapat menyebabkan komunikasi saraf terganggu.
Ayat majmuk: Kekurangan garam di dalam tubuh dapat menyebabkan fungsi sel dan komunikasi saraf terganggu.

Soalan 3

Bahan 1

	Salah	Betul
i.	di dalam	dalam
ii.	berlaku	melakukan
iii.	melengkapkan	menyiapkan / menyelesaikan
iv.	bertindakbalas	tindak balas
v.	Apajua	Apa-apa jua

Bahan 2

	Salah	Betul
i.	Antara strategi-strategi	Antara strategi / strategi-strategi
ii.	tindakan	kaedah / cara / langkah
iii.	didedah	terdedah
iv.	meningkatkan lagi keyakinan diri	meningkatkan keyakinan diri lagi
v.	perbaikan	memperbaiki
vi.	respon	respons

Soalan 4

CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

Bil	Markah	Kriteria
1	Cemerlang (5 – 6)	<ol style="list-style-type: none">1. Struktur ayat mengikut petikan.2. Mengekalkan maksud seperti dalam petikan3. Mengekalkan bahasa istana jika berkenaan.4. Tanda baca dalam setiap ayat dikekalkan.5. Penggunaan kata yang tepat dan gramatis.
2	Baik (3 – 4)	<ol style="list-style-type: none">1. Struktur ayat masih mengikut petikan.2. Masih mengekalkan maksud seperti dalam petikan3. Masih mengekalkan bahasa istana4. Tanda baca dalam setiap ayat masih dikekalkan5. Penggunaan kata yang masih tepat dan gramatis
3	Lemah (1 – 2)	<ol style="list-style-type: none">1. Sebahagian besar struktur ayat dalam petikan tidak dikekalkan.2. Sebahagian besar maksud dalam ayat tidak dikekalkan.3. Sebahagian besar laras bahasa istana tidak dikekalkan.4. Sebahagian besar tanda baca dalam setiap ayat tidak dikekalkan5. Banyak kesalahan penggunaan kata dan bahasa tidak gramatis

Rakyat Siam datang lalu menyerang rakyat Melaka. Selepas beberapa lama berperang, banyak rakyat Siam yang mati. Melaka tidak mengalami kekalahan. Rakyat Siam pulang sambil mengikat barang-barangnya menggunakan rotan lalu mencampakkan barang-barang itu di hulu Muar.

Soalan 5

	Peribahasa	Maksudnya
i	Yatim piatu	Anak yang telah kematian ayah dan ibu
ii	Seperti rumput di tepi jalan	Kehidupan yang melarat. Orang yang menjalani kehidupan yang susah.
iii	Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang	Pendapatan yang hanya cukup untuk hidup sahaja (kalau tidak bekerja tidak makan).
iv	Alah bisa tegal biasa	Perkara atau kerja yang susah menjadi senang kalau selalu dibuat.

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN [35 markah]

Soalan 6

i. <i>waktu senggang</i>	– masa lapang	[2 markah]
ii. Kelebihan-kelebihan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat	– Bertujuan sebagai salah satu daripada aktiviti masa lapang – Untuk membentuk nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat – Mewujudkan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat – Permainan tradisional mempunyai unsur seni dan budaya yang tinggi	[3 markah]
iii. Faktor-faktor generasi muda tidak minat untuk memperkasakan permainan tradisional	– Perkembangan permainan moden seperti permainan video dan permainan alat kawalan jauh – Kurang mendapat pendedahan daripada generasi terdahulu – Pertandingan permainan tradisional kurang dianjurkan dalam kalangan masyarakat hari ini – Permainan tradisional dianggap tidak relevan untuk masyarakat moden	[3 markah]
iv. Langkah-langkah supaya Malaysia dapat dikenali sebagai negara yang hebat dalam pelbagai jenis sukan	– Mencungkil bakat bidang sukan tertentu sejak dari peringkat sekolah rendah – Melantik jurulatih yang berpengalaman dalam bidang sukan tertentu – Menghantar wakil-wakil sukan ke luar negara untuk menimba pengalaman – Kerajaan hendaklah memperuntuk pembiayaan untuk memperkasa pelbagai jenis sukan	[4 markah]

Soalan 7

i. <i>lantang membidas</i>	– berani bersuara/ berani mengkritik	[2 markah]
ii. Sikap-sikap negatif yang digambarkan oleh masyarakat dalam menuntut kemerdekaan.	– Orang Melayu yang sanggup diperalat Parti Komunis Malaya – Sanggup menjual agama dan bangsa kepada komunis – Orang Melayu lebih suka tangkap ikan – Duduk di warung kopi – Mengelamun tidak menentu	[3 markah]

<p>iii. Langkah-langkah kerajaan dalam membuat persediaan daripada ancaman musuh yang dapat menggugat ketenteraman negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Mempersiapkan sistem ketenteraan negara yang kukuh – Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) – Menyekat laman-laman sesawang yang membawa ancaman terhadap negara – Kerajaan mengenakan tindakan undang-undang dan hukuman terhadap golongan yang mengancam kedaulatan negara <p style="text-align: right;">[4 markah]</p>
<p>iv. Aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh ahli persatuan saya dalam memeriahkan sambutan Hari Kemerdekaan di sekolah</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Menganjurkan pelbagai aktiviti berkaitan tema kemerdekaan – Menghias kelas dan kawasan persekitaran sekolah dengan Jalur Gemilang – Mengadakan pameran dan ceramah kemerdekaan – Mengadakan konvoi kemerdekaan melalui kelab dan persatuan <p style="text-align: right;">[4 markah]</p>

Soalan 8

- i. **Perkara yang dilakukan oleh Geetha selepas nenek memintanya pulang selepas makan tengah hari**
- Geetha memberitahu nenek bahawa dia ingin pulang kerana telah berjanji dengan ibunya, dia akan pulang pada waktu pagi.
 - Geetha keluar dari rumah ke halaman melalui dapur tanpa disedari datuk dan Danel untuk ke kedai.
 - Geetha menyatakan bahawa dia akan kembali ke rumah itu sebelum balik ke kampus untuk melihat matahari terbit
 - Geetha menyatakan bahawa dia akan balik ke kampus seminggu daripada sekarang.
- ii. **Dua aspek pengajaran yang menunjukkan sikap hormat-menghormati.**
- (a) ***Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip bin Talib***
- i. Kita hendaklah menghormati ibu yang telah melahirkan kita ke dunia.
 - Adnan menghormati cadangan ibunya untuk mengahwini Sofea yang merupakan seorang guru sekolah tanpa sedikit bantahan.
 - ii. Kita hendaklah menghormati ibu bapa yang telah menjaga kita sejak kecil.
 - Adnan menghormati ibu bapanya dengan meminta izin daripada ibu bapanya untuk menjadi askar.
- (b) ***Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor***
- i. Kita hendaklah menghormati arahan dan tanggungjawab kita terhadap ketua.
 - Aqram dan Khairul Anwar sangat patuh dan hormat akan arahnya ketua mereka iaitu Doktor Maxi dan Karl walaupun kerap dimaki hamun oleh Karl.
 - ii. Kita hendaklah menghormati amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita.
 - Doktor Maxi hormat akan amanah yang diberi oleh Karl dan berusaha mencari Farisha sehingga jumpa.
- (c) ***Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin***
- i. Kita hendaklah menghormati ibu bapa yang telah membesarkan kita.
 - Lili menghormati permintaan ibunya agar dia pulang bercuti di kampung datuk dan neneknya walaupun telah merancang percutian bersama rakan-rakannya.
 - ii. Kita hendaklah menghormati bangsa dan agama lain dalam menjalani hubungan persahabatan.
 - Lili, Geetha dan Danel bersahabat baik serta menghormati antara satu sama lain tanpa sedikit menyentuh isu sensitif berkaitan agama.

(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- i. Kita hendaklah menghormati kekesalan seseorang terhadap kesalahan lampaunya.
 - Doktor Raiha menghormati Felicia Landosi yang memohon maaf kerana kesal akibat bersubhat atas kematian Rohayu.
- ii. Kita hendaklah menghormati suami dengan menjalankan tanggungjawab dengan baik.
 - Isteri Doktor Uwang hormat akan suaminya dengan melayan suaminya dengan baik dan mengurus rumah tangga.

(e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- i. Kita hendaklah menghormati bangsa lain supaya hidup dalam masyarakat harmoni.
 - Embong yang berbangsa Melayu menghormati dan bersahabat baik dengan Tauke Lim yang berbangsa Tionghua.
- ii. Kita hendaklah menghormati orang yang telah memberikan nasihat kepada kita.
 - Penduduk kampung menghormati nasihat Haji Sulaiman agar mengembalikan kemeriahan bergotong-royong dengan mendirikan rumah Embong yang roboh akibat banjir.

(f) Tirani karya Beb Sabariah

- i. Kita hendaklah menghormati keputusan yang dibuat oleh seseorang mengenai kehidupannya.
 - Ibu Waheeda menghormati keputusan Waheeda untuk membuat pembedahan plastik akibat diserang monyet belanda.
- ii. Kita hendaklah menghormati tetamu supaya mencerminkan imej yang baik.
 - Kakitangan Chalet Tajau Emas menghormati rombongan istimewa dari England supaya mereka berpuas hati dengan memberi layanan yang terbaik.

(g) Silir Daksina, karya Nizar Parman

- i. Kita hendaklah menghormati permintaan ibu bapa yang telah membesarkan kita.
 - Haiqal menghormati akan permintaan ibunya dengan tidak lagi bertanya tentang ayahnya sehingga dia dewasa.
- ii. Kita hendaklah menghormati kedatangan tetamu dengan melayan tetamu dengan baik.
 - Penduduk kampung menghormati Haiqal dengan menyambut baik Haiqal ketika dia tiba di Kampung Seri Purnama.

(h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- i. Kita hendaklah menghormati orang lain dengan sentiasa melayan setiap orang dengan baik.
 - Dato Haji Mustofa al-Hamidi masih melayan Johan walaupun masih bertubi-tubi mendesaknya dengan pelbagai pertanyaan tentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap, Kuala Selangor.
- ii. Kita hendaklah menghormati tetamu dengan memberi layanan yang baik dan mesra.
 - Muhammad Taufik tetap menghormati Nurul Hafsa sebagai tetamu walaupun Nurul Hafsa kelihatan marah terhadapnya kerana mengepung sebahagian sungai di Kampung Kuantan.

BAHAGIAN C : RUMUSAN [30 markah]

Soalan 9

PENDAHULUAN

- Petikan membincangkan fungsi/peranan/tujuan koperasi sekolah dalam kalangan murid dan langkah-langkah/cara-cara menyokong produk keluaran koperasi.

ISI-ISI

Bahan 1: Fungsi/ peranan/ tujuan

- Mendidik sikap tanggungjawab dan memberikan pengalaman baharu kepada para murid
- Membantu murid membeli barangan keperluan sekolah dengan harga yang berpatutan
- Membantu koperasi sekolah meningkatkan hasil jualan mereka
- Memberikan keuntungan berganda kepada pihak sekolah
- Warga sekolah yang menjadi ahli koperasi berhak mendapatkan keuntungan dalam bentuk dividen

Bahan 2: Langkah-langkah/ cara-cara menyokong produk keluaran koperasi

- Kongsikan pandangan dan idea memajukan koperasi
- Mempromosikan produk koperasi dalam Telegram dan Whatsapp

Bahan 3: Fungsi/ peranan/ tujuan

- Memberi peluang kepada murid menimba pengalaman baharu dalam perniagaan
- Mendidik mereka untuk mengamalkan nilai-nilai murni

Bahan 4: Langkah-langkah/ cara-cara menyokong produk keluaran koperasi

- Membeli penghantaran makanan dan produk koperasi
- Menyebarkan produk koperasi di media sosial
- Meneruskan langganan produk dan perkhidmatan koperasi

PENUTUP

- Kesimpulannya, semua pihak hendaklah membeli barang-barangan daripada koperasi sekolah supaya perniagaan koperasi sekolah terus maju